# PENCAPAIAN EKONOMI DAN MASAALAH-MASAALAH PETANI

# DALAM PROJEK PENGAIRAN MUDA

Kes Studi - Projek Pengairan Muda

Kawasan Padang Hang, Kedah.

LATIHAN ILMIAH BAGI

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA

SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH

SARJANA MUDA SASTERA DALAM

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

University of Malaya

Oleh

No. matrik 19843

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

OKTOBER 1974

PENGHARGAAN

Kajian ilmiah ini telah diselenggarakan di bawah penyeliaan Puan Rokiah Talib, pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya. Atas segala bentuk nasihat, teguran mahupun pedoman-pedoman yang amat bernilai itu, saya kalongkan jutaan terimakasih. Tanpa beliau mungkin kajian ilmiah ini akan menemui kebuntuannya.

Penghargaan yang tinggi juga ke atas pehak Jabatan Pertanian MADA (Muda Agricultural Development Authority) yang banyak memberikan kerjasama untuk membolehkan kajian ini dijalankan. Saya amat terhutang budi kepada Encik Affifudin Haji Omar - sebagai Pengarah Pertanian MADA, yang banyak sekali memberikan petunjuk dan method-method dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala maklumat dan document-document yang penting telah didapati, atas kerjasama beliau bagi menggunakan perpustakaan Jabatan Pertanian tersebut.

Tidak lupa juga pada Tuan Haji Omar bin Haji Habibullah sekeluarga atas kerjasama mereka memandu saya dalam sepanjang masa kajian dijalankan, juga pada field assistant saya yang terdiri dari mahasiswa Universiti Malaya tidak lupa ucapan jutaan terimakasih untuk mereka.

Akhir sekali penghargaan juga kepada semua pehak yang memberikan kerjasama untuk menyiapkan kajian ini termasuklah petani-petani di Mukim Padang Hang sendiri.

UNIVERSITI MALAYA,

KUALA LUMPUR. NOMBOR METRIK 19843

1974.

University of Malaya

# SENARAI JADUAL DAN RAJAH


| No. | Tajuk | Muka surat |
|---|---|---|
| 1. | Taburan umur petani-petani . . . . . . . . . . . . . | 19 |
| 2. | Rajah 'histogram' berdasarkan umur petani . . . . . | 20 |
| 3. | Taburan umur anak petani-petani . . . . . . . . . . | 20 |
| 4. | Pendidikan yang diterima oleh petani-petani . . . . | 21 |
| 5. | Taburan anggota rumahtangga (house hold) . . . . . . | 22 |
| 6. | Pembahagian petani dalam berbagai kategori . . . . . | 25 |
| 7. | Pembahagian tanah yang dikerjakan . . . . . . . . . | 27 |
| 8. | Pembahagian pendapatan (bulanan) petani . . . . . . semasa dua kali setahun. | 36 |
| 9. | Pendapatan petani dalam kerja-kerja . . . . . . . . sambilan. | 38 |
| 10. | Pembahagian pendapatan (bulanan) petani . . . . . . sebelum dua kali setahun. | 40 |
| 11. | Perbelanjaan membina rumah petani-petani . . . . . . | 45 |
| 12. | Tabungan petani di dalam Bank-bank . . . . . . . . | 47 |
| 13. | Bilangan anak ikut jantina . . . . . . . . . . . . | 52 |


University of Malaya

# ISI KANDUNGAN

| | | Muka surat |
|---|---|---|
| | Penghargaan ........................... | ii |
| | Senarai Jadual dan rajah ................... | iii |
| | Isi kandungan ......................... | iv |
| BAB SATU : | PENDAHULUAN. ........................ | 1 |
| | (i) Tujuan dan bidang kajian ............ | 1 |
| | (ii) Kepentingan kajian .................. | 2 |
| | (iii) Metodologi ....................... | 3 |
| | (iv) Masaalah-masaalah kajian ........... | 5 |
| BAB DUA : | RANGKA KONSEP DAN LATARBELAKANG. ........... | 7 |
| | (i) Konsep komuniti .................. | 7 |
| | (ii) Peasant sebagai "rural comunity" ...... | 10 |
| | (iii) Latarbelakang Projek Muda ........... | 14 |
| | (iv) Latarbelakang petani .............. | 18 |
| BAB TIGA : | SISTEM PENYEWAAN TANAH DAN ORGANISASI EKONOMI. . . | 23 |
| | (i) Kategori petani yang bergantung kepada . . . sawah. | 23 |
| | (ii) Pembahagian tanah petani-petani ....... | 27 |
| | (iii) Peranan dan organisasi Persatuan Peladang . . | 28 |
| BAB EMPAT: | PENCAPAIAN EKONOMI PETANI DALAM PROJEK MUDA. . . . | 34 |
| | (i) Pembahagian pendapatan petani-petani .... | 34 |
| | (ii) Sistem pemasaran .................. | 42 |
| | (iii) Perbelanjaan .................... | 44 |
| | (iv) Penabungan (saving). . ; ........... | 46 |

University of Malaya

Muka surat

BAB LIMA : MASAALAH PETANI DALAM PROJEK MUDA . . . . . . . . . . 48

(i) Masaalah fizikal . . . . . . . . . . . . . . . . . 48

(ii) Masaalah ekonomi . . . . . . . . . . . . . . . . . 51

(iii) Masaalah sosio-budaya . . . . . . . . . . . . 55

BAB ENAM: KESIMPULAN DAN PENUTUP . . . . . . . . . . . . . . . . 56

LAMPIRAN . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 59, 60, 61, 62

CONTOH QUESTIONAIRE . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 63

BAHAN-BAHAN RUJUKAN . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 81

University of Malaya

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### i) TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Latihan ilmiah ini adalah semata-mata mengkaji komuniti petani di Kampung Padang Hang, Kedah. (Peta kampung ini dapat dilihat dalam lampiran (A) belakang), dan perlu diingat kajian ini merupakan suatu kes study di salah satu kawasan Projek Pengairan Muda. Projek ini merupakan suatu "planned change" yang menitik-beratkan kepada aspek ekonomi komuniti petani, dan projek ini dikelolakan di bawah pehak MADA (Muda Agricultural Development Authority) yang mana bertujuan untuk meninggikan taraf hidup ekonomi komuniti petani melalui aktiviti penanaman padi dua kali setahun (double-cropping).

Perlu sekali diingatkan bahawa kajian ini bukanlah merupakan suatu "total community study", dalam ertikata tidak akan menitik-beratkan kepada semua aspek, tetapi sebaliknya lebih mementingkan kepada aspek pencapaian ekonomi dan masaalah-masaalah semasa yang timbul di kalangan komuniti petani tadi. Kajian ini akan memperlihatkan latarbelakang petani dalam salah satu kawasan dalam Projek Pengairan Muda yang telah dipilih tadi. Ini akan mempersoalkan purata umur dan sistem pendidikan yang dilalui oleh petani-petani, ini akan melibatkan sikap dan penerimaan komuniti petani terhadap projek yang dilancarkan oleh kerajaan. Seterusnya akan diikuti dengan besarnya anggota household petani-petani, kerana ini akan mempengaruhi gerak kerja petani-petani dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penanaman padi dua kali setahun.

Selanjutnya kajian ini akan membicarakan serta membuat suatu

University of Malaya

penilaian secara perbandingan pencapaian ekonomi petani-petani sebelum dan setelah rancangan ini dijalankan oleh pehak kerajaan sejak tahun 1970 lagi. Pencapaian ekonomi akan menumpukan perhatian kepada aspek-aspek pendapatan, perbelanjaan dan pengunaan, tabungan (saving) dan sistem-sistem pemasaran yang terdapat pada masa kajian ini dijalankan.

Masaalah semasa yang timbul di kalangan petani-petani juga akan dibincangkan di sini, dan ini akan menitik-beratkan kesulitan-kesulitan dari segi tenaga karja buruh, pemasaran dan pengurusan padi serta keadaan inflasi yang membebankan belanja hidup petani-petani buat masa ini. Masa-alah konflik juga dipersoalkan akibat daripada sistem pengairan itu sendiri. Akhir kata kajian ini membincangkan perkara-perkara pokok penca-paian ekonomi dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh petani semasa.

ii) KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana ianya membincangkan suatu aspek dalam proses perubahaan yang semakin meluas berlaku keatas komuniti luar bandar, khususnya komuniti Melayu. Kesan pembangunan dan perkembangan yang pesat di bandar semakin kuat terasa di kalangan komuniti kampung. Dengan hasrat ini Rancangan Pengairan Muda adalah merupakan satu usaha terbesar untuk meninggikan taraf hidup petani di kawasan luar bandar. Melalui rancangan ini kerajaan amat-amat berharap supaya mempercepatkan usaha untuk membawa kepada unsur-unsur pembangunan dan kemodenan di kalangan komuniti petani di kawasan luar bandar.

Oleh itu kajian ini serba sedikit akan dapat memberi maklumat-maklumat serta data empirical mengenai perkembangan dan perubahan petani-petani yang biasa terdapat di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini. Kita dapati kajian-kajian sebelumnya banyak mempersoalkan

tentang "Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan" ringkasnya LKTP[1], tanpa membincangkan perubahan-perubahan yang dialami oleh komuniti petani sendiri. Kalau ada pun kajian mengenai komuniti petani yang hanya dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dari Barat, tetapi belum lagi mempersoalkan tentang perubahan yang telah dialami oleh petani-petani dewasa ini.

Jadi dikira kajian ilmiah ini amat berfaedah sekali kepada mereka-mereka yang benar-benar ingin mengetahui dengan lebih dekat tentang modenisasi dan perubahan-perubahan yang dialami oleh kaum tani dewasa ini. Samaada berjaya atau tidaknya rancangan kerajaan untuk meninggikan taraf hidup petani melalui penambahan dalam pendapatan akan dibincangkan kemudian.

## iii) METODOLOGI

Cara-cara mendapatkan data-data mentah - segala maklumat-maklumat yang diperolehi dalam kajian ini adalah hasil daripada "field-work" yang dijalankan oleh pengkaji pada masa cuti panjang 1974. Di sini pengkaji tinggal di kampung Padang Hang dan kadang-kadang kala berulang-alik ke kampung tersebut yang mana mengambil masa selama kurang lebih sebulan. Dalam masa inilah pengkaji mendapat pertolongan daripada "field-assistance" untuk mempercepatkan kajian ini dijalankan kerana memandangkan masa yang suntuk digunakan untuk kajian ini.

Method yang banyak digunakan oleh pengkaji adalah dengan menyebarkan "questionaire" pada kaum-kaum tani di kampung di mana tempat kajian ini dibuat. Sebelum kajian ini dijalankan pengkaji terlebih dahulu pergi

---

[1] Antaranya: Ahmad Shahibudin Md. Nor - "Rancangan Kemajuan Tanah Air Lanas. 1970. Nazarudin Jali - LKTP - Pola-pola pekerjaan dan anggapan kerja 1970, Sahban Mokhsan - Perkerjaan dan Penyesuaian dlm LKTP, Md. Nor Yahya - Rancangan LKTP Sg. Tiong. 1971.

University of Malaya

ke kampung tersebut sambil membuat suatu "pilot survey" apakah butir-butir dan perkara-perkara yang perlu ditanyakan mengenai aspek yang bakal dikaji nanti. Pengkaji menyediakan sebanyak 40 questionaire yang diberi kepada 40 orang respondent yang tinggal disapanjang jalan tempat kajian ini dijalankan. Questionaire atau soal-selidik ini diisikan sendiri oleh pengkaji kerana memandangkan kepada kaum-kaum tani yang masih lagi buta huruf atau tingkat pendidikan yang rendah, ini semata-mata untuk mengelakkan daripada sebarang kesilapan atau salah faham mengenai soalan-soalan yang terdapat di dalam questionaire tersebut.

Selanjutnya pengkaji menggunakan method interview atau temuramah terhadap kaum tani di tempat kajian. Golongan yang ditemuramah dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu Ketua Kampung dan Penghulu di Mukim tersebut dan daripada mereka juga pengkaji mendapat kebenaran untuk membuat kajian. Golongan majoriti petani juga dapat ditemuramah serta perbualan-perbualan mengenai soal-soal yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti penanaman padi, termasuklah masaalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka dewasa ini. Temuramah informal ini adalah amat berguna sekali untuk mendapatkan garis kasar tentang kehidupan petani secara umum supaya tidak ujud "bias" dalam kajian ini nanti. Di sini tinjauan lebih banyak kepada pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mengenai perubahan yang di alami oleh mereka setelah mengikuti projek kerajaan yang telah dijalankan itu.

Kajian bercorak "participant observation" juga dipraktikan oleh pengkaji, di sini untuk mengkaji sesuatu masyarakat ikut kata Beattie: ..................."seorang pengkaji itu mestilah menyertai sepenuhnya dalam kehidupan hari-hari komuniti yang dikaji itu selama yang agak memadai

University of Malaya

misalnya semusim bagi masyarakat pertanian"[2]. Untuk tujuan ini pengkaji dapat dianggap sebagai "part-time participant observation" kerana memandangkan kepada masa yang terlalu singkat. Di sini pengkaji dapat menyesuaikan di dalam masyarakat tersebut dengan menyertai berbagai aktiviti meliputi aktiviti ekonomi dan sosial seperti majlis kenduri dan bersembahyang jemaah. Jadi dengan menyertai sambil memerhati gerak laku mereka amat berfaedah sekali bagi pengkaji untuk mengetahui pola-pola perlakuan dan cara hidup mereka. Ini adalah kerana untuk mengelakkan daripada sebarang pertanyaan yang mungkin tidak akan mendapat jawapan yang benar serta jelas.

Seterusnya "document" juga diperolehi untuk mendapatkan sedikit sebanyak latarbelakang dan data-data mentah mengenai kampung dan projek muda itu sendiri. Document rasmi diperolehi oleh pengkaji daripada "Pejabat Pertanian MADA" Telok Chengai, Alor Setar, serta kajian-kajian masa lalu yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Semuanya adalah hasil daripada kajian-kajian dan penulisan yang terdapat di perpustakaan pejabat tersebut. Manakala document yang tidak resmi diperolehi oleh pengkaji dari orang-orang perseorangan seperti Penghulu dan Ketua Kampung.

Jadi dengan kombinasi dari kesemua method ini, pengkaji percaya data-data mentah dan maklumat-maklumat yang didapati adalah lebih tepat dan mencukupi untuk kajian ini.

## iv) MASAALAH KAJIAN

Banyak masaalah-masaalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji selama masa kajian ini dijalankan. Pada mulanya pengkaji telah menetapkan satu kawasan untuk dikaji, tapi malangnya pengkaji gagal

[2] Beattie John. Other Culture. The Free Press. New York 1966.

University of Malaya

untuk menemui mana-mana ketua keluarga. Ini disebabkan mereka masing-masing sebok dengan urusan sawah dan kebetulan pula musim menanam baru bermula. Dengan ini pengkaji berpindah ke kawasan lain di mana petani-petaninya baru sahaja selesai menanam. Walaubagaimanapun kesukaran masih timbul di mana petani pagi-pagi lagi terpaksa ke sawah untuk menyulam dan memerhati mana-mana pokok padi yang rosak. Pengkaji hanya dapat menemui mereka pada lewat tengahari dan petang setelah mereka berehat.

Kesulitan lain termasuklah anggapan-anggapan daripada penduduk itu sendiri terhadap pengkaji. Anggap seperti pengkaji wakil daripada Pejabat Cukai yang bertanyakan soal-soal pendapatan yang dianggap perkara-perkara personal dan sensitive bagi mereka. Dengan anggapan yang salah ini bermakna mereka kurang berminat untuk memberi kerjasama dan tidak berkeyakinan untuk memberi maklumat-maklumat yang benar. Dengan penerangan sebenar dari pengkaji sendiri kesulitan ini serba sedikit dapat dikurangkan.

Bagi petani pula mereka tidak begitu bersedia dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Mereka lebih berminat untuk memberi maklumat-maklumat dan penerangan secara agak-agakan saja, ini menyebabkan selalunya data-data dan kenyataan yang diperolehi kurang tepat. Kadang-kadang mereka juga cuba membohong bila soal-soal peribadi lagi sensitive disoal, walaubagaimanapun kecacatan yang terdapat di dalam kajian ini tidak dapat dielakkan oleh pengkaji sendiri.

University of Malaya

# BAB DUA

## RANGKA KONSEP DAN LATARBELAKANG

### 1) KONSEP KOMUNITI

Konsep ini seringkali digunakan oleh pakar-pakar Sosiologi dan Antropologi untuk menerangkan sesuatu kelompok manusia yang dikaji. Dengan membuat klasifikasi demikian dapat difahami tentang struktur am sesuatu kelompok tersebut.

Terdapat banyak sekali definasi dan konsep-konsep yang diberikan oleh pakar-pakar Sosiologi maupun Antropologi sosial di mana masing-masing membuat ukuran dan penekanan yang berbeza-beza tentang konsep komuniti ini. Bagi G.A. Hillery telah mengkaji sebanyak kurang lebih 94 definasi yang diberikan oleh pakar-pakar Sosiologi dan Antropologi sosial mengenai konsep ini, dan dengan ini terdapatnya kontrovesi antara pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh mereka, dan ini dijelaskan oleh G.A. Hillery "............. beyond the concept that people are involved in comunity, there is no complete aggrement as to the nature of comunity"[3].

Walaubagaimanapun terdapat juga titik-titik persamaan tentang konsep komuniti tadi dan bahagian ini akan memperlihatkan ciri-ciri persamaan tersebut. Bibit-bibit persamaan sebagai dasar penting yang dikemukakan oleh mereka tadi dapat digolongkan kepada tiga faktor iaitu: <u>common area</u> (kawasan yang sama), <u>common ties</u> (ikatan sama) dan <u>social interaction</u> (interaksi sosial). Bagi pakar-pakar Sosiologi dan Antropologi sosial dalam menentukan konsep komuniti sekurang-kurangnya mestilah dapat memenuhi

---

[3]G.A. Hillery Jr. "Defination of Comunity - Area of Aggrement - <u>Rural Sociology</u> - 20, 119. June 1955.

University of Malaya

ketiga-tiga faktor asas yang dikemukakan itu.

Satu kawasan yang didiami oleh sekelompok manusia, bermakna kelompok itu sudah tinggal menetap dan stabil. Sempadan kawasan yang di- diami oleh komuniti ini adalah kecil, dengan ini hubungan sosial antara an anggota-anggota komuniti adalah rapat. Sekiranya kawasan itu terlalu luas, hubungan sosial yang rapat akan gagal dalam kontek ini.

Ikatan sama mesti ujud dalam kawasan tadi di mana ikatan itu samaada secara rasmi atau tidak rasmi. Dalam kelompok yang dikaji adalah merupakan "primary group" yang mempunyai ikatan persemukaan (face to face relationship). Hubungan atau ikatan ini boleh ujud dalam aktiviti-aktiviti sehari-hari di dalam bidang ekonomi, politik dan pentadbiran, sosial dan keugamaan serta kepercayaan mereka. Jadi berdasarkan kepada kepentingan yang sama dalam bidang-bidang tadi boleh mengujudkan ikatan yang erat sesama mereka.

Dari kawasan dan ikatan yang sama boleh mengujudkan interaksi sosial sesama mereka. Misalnya di dalam bidang sosial terdapatnya institusi "derau" atau bergotong-royong sesama ahli untuk memenuhi kepentingan ekonomi. Dalam bidang keugamaan terdapatnya kesatuan atau pertubuhan dan praktik-praktik yang menyebabkan mereka berinteraksi sesama anggota di dalam kelompok tersebut.

Jadi dengan ketiga-tiga faktor di atas belum lagi boleh dianggap sebagai satu dasar yang mutlak dalam membuat suatu klasifikasi tentang konsep komuniti. Ini kerana konsep ini masih lagi longgar dan tidak begitu menyeluruh dalam ertikata konsep komuniti yang sebenarnya. Dengan ini Smelser membuat ukuran selanjutnya dengan memetik kata-kata beliau seperti berikut: "........ the localized population which is interdependent on a daily basis, and which carries on a highly generalized series of

University of Malaya

activities in and through a set of institutions which provides on a day-to-day basis the full range of goods and services necessary for its continuity as a social and economic entity"[4]. Jadi bagi beliau perhubungan yang berlaku pada tiap-tiap hari adalah penting untuk mengolongkan kelompok itu sebagai komuniti di mana ujudnya hubungan yang rapat.

Jadi bagi kampung yang dikaji dapat memenuhi faktor kawasan kerana ianya di bawah satu pentadbiran ketua kampung dan boleh dianggap sebagai '<u>a territorial area</u>' atau meminjam kata-kata Mercer sebagai "..... a human commity is a funtionally related aggregate of people who live in a particular geographic locality at a particular time"[5].

Dalam ikatan yang sama jelas komuniti yang dikaji terdiri dari anggota-anggota yang mempunyai bangsa, ugama, kepercayaan dan adat istiadat yang sama, di mana semua praktik ini dilakukan secara bersama oleh mereka. Mereka sudah semestinya tertakluk pada satu kebudayaan yang sama sepertimana ditegaskan oleh Mercer sebagai "...... share a common culture"[6].

Dari ikatan sama mengujudkan interaksi sosial yang teguh dalam upacara-upacara adat dan ritual mereka dalam bidang ugama dan kepercayaan. Jadi dengan perlaksanaan aktiviti ini, mereka sama-sama terlibat sebagai suatu anggota yang ramai. Ini dapat memenuhi kata-kata yang dipetik dari R. Firth sebagai "..... human commity is a body of people sharing a common activities and bound by multiple relationship in such away that the aims of any individual can be achieved only by participation in action with others"[7].

---

[4] Smelser. NJ. <u>Sociology An Introduction</u>: John Willey & Sons, Inc. New York 1967. m.s. 95.

[5] Blaine E. Mercer. <u>The American Commity</u>. New York. Random House. 1956. m.s. 27.

[6] Blairie E. Mercer. <u>The American Commity</u>. New York. Random House. 1956. m.s. 27.

[7] R. Firth. <u>Element of Social Organization</u>. Walts & Co. Ltd. London. 1952. m.s. 41.

Faktor '<u>comunity sentiment</u>' tidak ketinggalan untuk mengukuhkan konsep bagi sesebuah komuniti di mana ujudnya perasaan kekitaan (esprit de corps) yang kuat sesama mereka. Meminjam kata-kata Mc Iver and Page seperti berikut. "..... a locality is not enough to create a comunity if it lack feeling of belonging together"[8]. Keadaan ini ujud kerana mereka sama-sama menghadapi nasib yang sama dalam aktiviti-aktiviti mereka sehari-hari khususnya dalam aktiviti ekonomi.

Jadi berdasarkan kepada ketiga-tiga faktor di samping faktor-faktor lain tadi dapatlah difahami akan konsep komuniti yang sebenarnya. Berbalik pada kampung Padang Hang di mana dapat memenuhi keseluruhan faktor-faktor di atas tidak asing lagi kampung ini dapat dianggap sebagai sebuah komuniti Melayu di kawasan rural. Terdapat juga berbagai-bagai institusi dalam bidang-bidang yang berlainan yang dapat menyatukan semua ahli-ahli di dalam kampung tersebut. Jadi penyatuan anggotanya ujud melalui institusi untuk kepentingan bersama selain daripada peranan yang dimainkan 'kekeluargaan'.

ii) <u>PEASANT SEBAGAI 'RURAL COMUNITY'</u>

Sebenarnya tidak ada satu garis sempadan yang mutlak untuk menganggap satu-satu kawasan itu <u>rural</u> atau <u>urban</u>. Di sini tidak ujud pembahagian yang saintifik sebagai satu <u>dichotomy</u> atau <u>polar-type</u> bagi kawasan <u>rural</u> maupun <u>urban</u>. Malah komuniti boleh ujud dalam garisan '<u>continuum</u>' seperti dijelaskan oleh SA Queen dan Dr. Carpenter "..... there is a continous gradiation from rural to urban rather than a simple rural-urban dichotomy and ..... as human comunity are arrayed a long this rural-urban

---

[8] Mc Iver & Page - <u>Society. An Introductory Onalysis.</u> Mc. Millon & Co. Ltd. London m.s. 8, 1964.

continuum, consistent variation occur in pattern of behavior"[9].

Dalam membincangkan konsep komuniti rural terdapat beberapa angkubah-angkubah yang sama, di mana angkubah-angkubah yang sama digunakan untuk membezakan sesuatu kawasan itu samada rural atau urban. Jadi apa yang berbeza hanyalah dari segi degree angkubah tersebut. Mengikut pendapat Sorokin dan Zimmerman telah mengemukakan sekurang-kurangnya lapan faktor yang boleh mengatakan sesuatu kawasan itu benar-benar dianggap rural atau urban. Faktor-faktor itu antaranya ialah saiz, pekerjaan, kepadatan penduduk, keseragaman,perbezaan sosial dan susun lapis sosial, mobiliti, keadaan alam sekeliling dan sistem interaksi atau perhubungan yang terdapat dalam komuniti tersebut. Penganalisaan satu persatu angkubah-angkubah ini adalah penting untuk meletakan komuniti yang dikaji sebagai suatu kawasan "rural".

Mengikut pendapat Sorokin dan Zimmerman, angkubah pekerjaan sebagai ciri utama bagi kawasan rural dan memetik kata-kata mereka "..... principal criteria of the rural society or population is occupational, collection and cultivation of plants and animals"[10]. Jadi Kampung Padang Hang ini keseluruhan penduduknya terlihat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan mereka. Mereka menjalankan penanaman padi dua kali setahun sebagai "primary product" di mana mereka mempunyai hubungan secara terus dengan hasil yang dikeluarkan. Di samping itu petani-petani di sini juga memelihara ayam dan itek sebagai pekerjaan sambilan mereka.

Aspek homogeneous ditegaskan oleh Sorokin dan Zimmerman sebagai "..... the population of rural comunities tend to have homogeneous in its

---

[9] SA Wueen & Dr. Carpenter. 'The American City' New York. Mc Graw Hill. 1953. m.s. 38.

[10] Sorokin dan Zimmerman - Principles of rural-urban Sociology - Holt. New York 1929, m.s. 16.

socio-physical characteristic than that of the urban communities"[11]. Faktor homogeneous ini jelas sekali di mana anggota-anggota petani tinggal di kawasan yang sama dan mempunyai bahasa, kepercayaan, mores, pola-pola perlakuan serta ciri-ciri socio-physical yang sama. Ini disebabkan komuniti yang menetap di kampung ini sudah begitu lama dan sebahagian besar daripada mereka tertakluk oleh hubungan kekeluargaan yang rapat. Dari segi aktiviti pula keseluruhan penduduk di sini terlihat secara langsung dengan aktiviti pertanian, dan kerja-kerja sambilan yang lain berdasarkan keperluan mereka.

Dari segi saiz komuniti rural adalah kecil di mana mereka tinggal di kawasan tanah yang tidak begitu luas. Dengan saiz yang kecil ini membolehkan pergaulan lebih rapat dan mesra antara anggota-anggota yang dalam komuniti ini. Dengan ini seseorang anggota dalam komuniti ini terpaksa patuh kepada undang-undang dan norma-norma sosial yang didokong oleh anggota-anggota di kampung ini.

Bagi satu kawasan rural selalunya kurang padat kalau dibandingkan dengan komuniti urban. Didapati bilangan rumah adalah kurang pada satu-satu bidang tanah tertentu dan ini jelas kedudukan rumah-rumah di antara satu dengan lain adalah jauh jaraknya.

Dalam aspek mobiliti ditinjau dari dua aspek iaitu pekerjaan dan sosial mereka. Didapati dalam komuniti rural kurang berlakunya mobiliti pekerjaan kerana dalam bidang ini peluang kerja adalah sempit. Oleh yang demikian tidak terdapat petani-petani yang menukar tempat atau jenis pekerjaan mereka. Kalau sekiranya terdapat pertukaran pekerjaan hanya bersifat sementara di mana akhirnya mereka akan pulang ke kampung setelah

---

[11] Ibid. Muka Surat 23.

musim penanaman padi tiba. Oleh kerana aktiviti pertanian merupakan warisan dari jenerasi yang terdahulu, sudah tentu mereka tidak akan meninggalkan pekerjaan ini kerana ikatan sentiment yang kuat pada pertanian dan anggota-anggota yang mengerjakan aktiviti ini. Bagi petani-petani yang hidup hanya semata-mata menyewa tanah daripada tuan tanah sudah tentu mereka terikat dengan sistem ini. Mengikut Sorokin dan Zimmerman menegaskan "..... unfree cultivator did not own the land cultivated by him, he was tied to his lord's land"[12].

Keadaan alam sekeliling komuniti rural lebih bercorak "out-of-doors" di mana aktiviti pertanian yang sentiasa terdedah kepada kuasa-kuasa luar dan bencana-bencana alam di luar kawalan mereka sendiri. Di samping itu komuniti ini mempunyai hubungan secara langsung dengan keadaan alam sekeliling dan mereka belum dapat mengatasinya dengan unsur-unsur yang moden. Ini disebabkan unsur-unsur kemodenan yang terdapat di kawasan bandar belum meresap ke dalam komuniti ini. Walaubagaimanapun hanya terdapat sedikit perubahan ekonomi khususnya penggunaan jentera moden untuk mengatasi tenaga manusia dan binatang dalam aktiviti pertanian.

Susun-lapis sosial dalam komuniti ini kurang jelas jika dibandingkan dengan kawasan bandar yang lebih mementingkan kepada faktor ekonomi. Anggota-anggota di kampung ini tertakluk kepada satu kelas sosial yang sama dan kadang-kadang mempunyai ikatan kekeluargaan di antara ahli-ahli dalam komuniti ini. Dari segi status yang diperolehi secara "as cribed" sahaja dapat membezakan antara anggota-anggota yang berkelibar dalam bidang keugamaan, politik dan pentadbiran.

Faktor yang terakhir ialah sistem interaksi atau hubungan

---

[12] Sorokin and Zimmerman - Principles of rural-urban Sociology. Holt. New York. 1929 m.s. 33.

anggota-anggota dalam komuniti rural. Dikira hubungan mereka adalah didasarkan kepada ikatan kekeluargaan di mana unit keluarga juga merupakan unit ekonomi. Hubungan dalam "primary group" ini disifatkan oleh Cooley sebagai intimate, face to face association and cooperation, manakala E. Bott mensifatkan sebagai "close unit social net-work of relation".

Dari sini jelas menunjukkan komuniti tani adalah tergolong dalam kawasan rural kerana ianya dapat memenuhi keseluruhan "typological method" atau angkubah yang dikemukakan oleh Sorokin dan Zimmerman tadi. Jadi kampung Padang Hang sebagai satu kawasan kajian adalah merupakan komuniti tani yang benar-benar terletak di kawasan rural. Namun demikian komuniti ini bukanlah sesuatu yang isolated dan self-sufficient kerana dalam bidang-bidang tertentu ianya mempunyai hubungan terus dengan pusat bandar. Misalnya dalam bidang ekonomi berlakunya penjualan dan pemasaran di bandar untuk pertukaran barang-barang keperluan mereka sehari-hari.

Bagi pendapat Kroeber menjeniskan komuniti tani sebagai "part-societies with part-cultures" yang lebih besar. Robert Redfield menambah bahawa komuniti tani tertakluk kepada "elite-group" dalam bidang ekonomi, politik dan pentadbiran serta keugamaan yang terdapat di pusat-pusat bandar. Misalnya dalam bidang ekonomi di mana segala hasil yang dipasarkan itu tertakluk kepada sistem pemasaran dan pengurusan serta penetapan harga oleh golongan-golongan elite dalam bidang ekonomi. Jadi tidak dapat dielakan bahawa komuniti tani merupakan sebahagian daripada penduduk yang lebih besar yang mendiami di negara ini.

## iii) LATARBELAKANG PROJEK MUDA

Betapa pentingnya sektor pertanian tidak dapat dinafikan di mana ianya dapat menyumbangkan kira-kira 1/3 daripada keluaran Dalam Negara

Kasar" (KDNK), serta menghasilkan kira-kira 50 peratus daripada tukaran wang luar Malaysia. Dari jumlah ini kira-kira 3/4 daripada kaum Bumiputra terlibat secara langsung kepada aktiviti pertanian dan perikanan. Meminjam dari kata-kata Prof. Ungku Aziz seperti berikut ...... "The Malay working population is that 76% of this population earns its living either by forming or fishing"[13]. Dari jumlah ini kira-kira 400,000 petani terlibat secara langsung dalam penanaman padi, dan kira-kira 86% daripada hasil keluaran padi datangnya dari Malaysia Barat.

Berdasarkan kepentingan ini pehak kerajaan mulai sedar untuk pembangunan dan perkembangan dalam sektor pertanian. Dalam usaha-usaha ini banyak projek-projek kerajaan telah dijalankan, dan antaranya Projek Pengairan Muda di negeri Kedah dan Projek Kemubu di Kelantan khususnya dalam sektor pertanian. Bagi projek pengairan muda adalah merupakan projek yang terbesar di Malaysia yang mana dapat mengairi air ke kawasan seluas 261,500 ekar atau 1/4 juta ekar keluasan kawasan padi di negeri Kedah dan Perlis. (Lihat peta dilampiran (B) belakang). Terlaksananya projek ini dapat menyumbangkan sumber pendapatan kepada kira-kira kurang lebih 50,000 keluarga dalam kawasan projek ini di mana 2/3 daripadanya bergantung terus kepada penanaman padi sebagai sumber pendapatan mereka.

Rancangan ini juga merupakan cabaran kepada perkembangan projek kerajaan di mana dalam usaha-usaha meninggikan taraf hidup kaum tani ~~de~~ dengan menambahkan pendapatan mereka melalui penanaman padi dua kali setahun. Dianggarkan penduduk yang terlibat dalam projek ini kira-kira 325,000 orang dan dapat membekalkan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 1,000 orang penduduk setelah terdirinya kilang-kilang untuk memenuhi

---

[13] Ungku Aziz Abdul Hamid: "Fact and Fallacies of the Malay Economy" EKONOMI. Vol. 3. No. I. Dis. 1967 m.s. 2.

hasrat projek pengairan ini.

Secara latarbelakang projek, ianya dibina dua empangan di Sungai Muda dan Pedu yang mengarah ke timur laut negeri Kedah. Dari kedua-dua empangan ini dapat membekalkan air melalui terusan yang panjangnya kira-kira 61 batu dan cawangannya 564 batu. Dengan terbinanya terusan ini bermakna air dapat disalurkan ke seluruh kawasan sawah padi yang terletak di negeri Kedah dan Perlis (lihat rajah pada lampiran (c) di belakang).

Projek pengairan muda mempunyai objektif-objektif atau tujuan-tujuan yang baik kepada golongan petani-petani yang terlibat. Di antara objektif ini termasuklah untuk meninggikan taraf hidup petani dalam kawasan projek ini melalui penambahan dalam pendapatan mereka. Dengan ini penanaman padi dua kali setahun amat-amat digalakkan oleh pehak kerajaan. Di samping itu motif rancangan ini mempunyai potensi untuk "<u>self-sufficiency</u>" dalam pengeluaran padi negara ini. Kedua-dua objektif ini dilaksanakan oleh kerajaan dalam jangkamasa yang pendek atau segera. Sementara objektif dalam jangkamasa panjang adalah semata-mata untuk pembangunan dalam aspek "<u>socio-economic</u>" kepada petani-petani yang terlibat dalam kawasan projek pengairan muda ini.

Dalam mencapai ketiga-tiga objektif ini perlu sekali adanya strateji yang dijalankan oleh pehak kerajaan atau perancang di mana petani-petani digalakkan melibatkan diri di dalam perubahan kearah teknologi yang moden untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran padi. Di samping itu dengan ujud beberapa institusi yang dapat memainkan peranan penting dalam pengeluaran padi. Institusi yang terlibat seperti MARDI yang berusaha untuk menyelidik kualiti pengeluaran padi, benih dan baja yang sesuai untuk padi. Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) berfungsi sebagai tempat bekalan beras yang cukup di samping itu bertugas membaiki kualiti beras

University of Malaya

melalui "komplek pengering padi" yang telah dibina oleh kerajaan. Manakala FAMA memainkan peranan penting dalam usaha-usaha pemasaran padi supaya petani-petani mendapat faedah yang maksima daripadanya. Bank Pertanian sebagai sumber kredit kepada petani-petani melalui "Persatuan Peladang" yang ditubuhkan di merata-rata kawasan yang terlibat dalam projek ini.

Rancangan pengairan muda ini mempunyai masa depan yang cerah dalam pengeluaran padi di mana usaha-usaha penyelidikan mutu padi yang lebih baik dijalankan oleh pehak kerajaan. Sebagai misalannya padi Bahagia dapat mengeluarkan 800 gantang atau 4480 lbs beras dalam seekar berbanding dengan jenis padi biasa yang cuma mengeluarkan 550 gantang atau 3080 lbs beras tiap-tiap satu (sebelum dua kali setahun dijalankan). Melalui proses memajukan lagi teknologi perladangan, menambah efficient dalam pengeluaran padi adalah merupakan penumpuan utama projek ini. Bila semua ini tercapai bermakna rancangan pengeluaran padi dijangka sebanyak 624,000 tons beras setahun atau tiga kali ganda daripada pengeluaran padi masa sebelum dua kali setahun dijalankan.

Kesimpulannya penambahan dalam pendapatan dapat meninggikan taraf hidup petani-petani melalui double-cropping ini, dan ini memberikan significant kepada perubahan sosial yang dialami oleh petani-petani. Dengan ujudnya beberapa "industri baru" dapat memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar kawasan projek muda ini. Jadi segala matlamat yang akan dicapai adalah bergantung kepada penerimaan petani terhadap projek kerajaan sebagai satu usaha untuk mengubah cara hidup mereka.

University of Malaya

iv) <u>LATARBELAKANG PETANI</u>

Dalam kontek kajian ini definasi "petani"[14] yang diberikan oleh R. Firth adalah tepat sekali kerana ianya merujukkan kepada petani-petani atau orang-orang yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pertanian dan kerja-kerja sampingan yang lain berdasarkan keperluan dan peredaran musim, namun begitu petani merupakan anggota dari kelas sosial yang sama dan kadang-kadang anggota bagi keluarga yang sama.

Dalam melihat latarbelakang petani perlu dianalisa angkubah-angkubah (variables) yang berkaitan dengannya, dan di sini akan dilihat secara umum latarbelakang petani dari segi umur, tingkat pendidikan dan besarnya anggota household yang mana boleh mempengaruhi mereka dalam penerimaan perubahan-perubahan yang diperkenalkan melalui projek pengairan muda ini. Dari segi umur didapati 47.5% daripada anggota-anggotanya di dalam lingkungan umur 41 - 45 tahun, dan 12.5% (46 - 50 tahun), 15% (36 - 40 tahun), 10% (31 - 35 tahun), 10% di antara umur 26 - 30 tahun dan akhir sekali 5% terdiri dari petani-petani di dalam lingkungan umur 20 - 25 tahun. Jadi secara peratus diperhatikan golongan tua lebih ramai yang terlibat dalam projek ini. Walaubagaimanapun kalau dianalisa secara 'purata' umur petani-petani ialah 38.45 tahun dan ini dapat disamakan dengan pemilik-pemilik ladang yang luas di Amerika. "Generally

---

[14] Raymond Firth telah mendefinasikan "petani" sebagai "..... a countryman - a man engaged in rural pursuits, primarily agriculture, with a comparatively simple technology and a special interest in the land he works ...... one may extend the application of the term to cover the majority of fishermen and even village craftmen too. They are of the same social class as the agricultorist, an often members of the same families. As accupational groups they may even be separable only in theory, since many a peasant families is also a fishermen or craftmen by turn as his seasonal cycle or cash need influence him". R. Firth. <u>The Peasantry of South East Asia.</u> International affair. vol. 5. 1970. m.s. 503.

University of Malaya

ownership of a form is connected with form-work during many years because the average age of becoming a form-owner all categories is 38 years"[15]. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan umur petani-petani.

JADUAL 1

TABURAN UMUR PETANI

| Umur (Tahun) | Respondent (f) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 20 - 25 | 2 | 5 |
| 26 - 30 | 4 | 10 |
| 31 - 35 | 4 | 10 |
| 36 - 40 | 6 | 15 |
| 41 - 45 | 19 | 47.5 |
| 46 - 50 | 5 | 12.5 |
| JUMLAH | N= 40 | 100 |

Untuk purata umur formula digunakan $\bar{x} = \sum \frac{fx}{N}$[16]

$\bar{x} = 1578/40$

PURATA $\bar{x} = 38.45$ TAHUN

Dari data-data umur yang telah diberi dapat pula digambarkan taburannya melalui rajah 2 yang ditunjukkan secara "histogram" taburan umur petani-petani.

---

[15] Form Ownership and Tenancy - USA - Agriculture London. m.s. 56 - 57.

[16] $\bar{x}$ (PURATA) $= \sum \frac{fx}{N}$ di mana $\bar{x}$ = Purata kira-kira
$\sum$ = Jumlah
N = Jumlah respondent
x = Markah kelas
f = respondent.

RAJAH 2: HISTOGRAM MENUNJUKKAN TABORAN UMUR PETANI.




PETUNJUK

------- MARKAH KELAS

University of Malaya

Dari purata umur petani rata-rata berumur 38.45 tahun bermakna mereka masih lagi boleh bekerja kuat dan aktif dalam ~~pertubuhan-pertubuhan~~ aktibiti - aktibiti pertanian demi untuk kepentingan mereka.

Dilihat bagi taburan umur anak-anak petani didapati 34 orang atau 30.4 peratus anak mereka kurang dari 9 tahun, 54 orang atau 48.2 peratus berumur di antara 10 hingga 19 tahun. Manakala 18 orang atau 16.1 peratus berumur di antara 20 hingga 29 tahun dan cuma 6 orang atau 5.3 peratus anak-anak petani berumur antara 30 hingga 39 tahun. Taburan umur anak-anak petani dapat dilihat pada Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3

TABURAN UMUR ANAK-ANAK PETANI

| Umur | Bilangan Anak Petani-petani | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 9 | 34 | 30.4 |
| 10 - 19 | 54 | 48.2 |
| 20 - 29 | 18 | 16.1 |
| 30 - 39 | 6 | 5.3 |
| JUMLAH | 112 | 100 |

Daripada jadual yang diberi ini dapat dikira secara purata umur anak petani-petani yang tinggal di kampung ini ialah 14.15 tahun. Secara kasar dapat dianggapkan bahawa anak petani-petani di sini adalah terdiri dari mereka-mereka yang belum mampu untuk berkecimpung dalam aktiviti pertanian. Dalam erti kata lain kanak-kanak ini masih lagi di bangku sekolah.

Dari sistem pendidikan yang dilalui oleh petani-petani didapati 77.5 peratus daripada mereka mempunyai pendidikan kurang dari 5 tahun

University of Malaya

iaitu hanya pada peringkat Sekolah Rendah (Melayu) sahaja. Didapati 15 peratus daripada petani mempunyai tingkat pendidikan di antara 6 hingga 10 tahun iaitu di peringkat sekolah menengah Melayu. Manakala yang selebihnya 2.5 paratus atau seorang sahaja mempunyai tingkat pendidikan di antara 11 hingga 15 tahun dan 5 peratus atau 2 orang mempunyai tingkat pendidikan di antara 16 hingga 20 tahun. Ini dapat dijelaskan lagi di dalam Jadual 4 yang menunjukkan lama masa pendidikan yang dilalui oleh petani.

JADUAL 4

JANGKA MASA PENDIDIKAN PETANI-PETANI

| Jangka Masa Pendidikan (Tahun) | Bilangan Petani | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 5 | 31 | 77.5 |
| 6 - 10 | 6 | 15 |
| 11 - 15 | 1 | 2.5 |
| 16 - 20 | 2 | 5 |
| JUMLAH | 40 | 100 |

Jadi hanya 3/4 daripada petani-petani mendapat pendidikan sehingga peringkat sekolah rendah Melayu yang terdapat di kawasan rural. Jika dikaitkan dengan umur petani-petani tadi dapat dikatakan mereka lebih banyak mendapat pelajaran secara tidak rasmi berdasarkan pengetahuan, keahlian dan pengalaman-pengalaman di luar sekolah. Walaubagaimanapun mereka sekurang-kurangnya dapat mengikuti program kerajaan dengan keupayaan membaca risalah-risalah pertanian yang diedarkan oleh pehak kerajaan.

Dari household atau anggota rumahtangga petani-petani dapat di-

analisa kerana ini akan mempengaruhi mereka supaya bekerja kuat untuk menanggung ahli-ahli keluarganya. Didapati 50 peratus daripada mereka mempunyai anggota keluarga seramai 6 hingga 9 orang, 40 peratus petani-petani mempunyai keluarga seramai 3 hingga 5 orang dan hanya 10 peratus sahaja petani-petani yang hanya mempunyai anggota keluarga lebih daripada 9 orang. Taburan anggota rumahtangga dapat diperhatikan dalam Jadual 5.

JADUAL 5

TABURAN ANGGOTA RUMAHTANGGA PETANI-PETANI

| Anggota House-Hold | Bilangan Petani | Peratus |
|---|---|---|
| 3 - 5 | 16 | 40 |
| 6 - 9 | 20 | 50 |
| 9 Lebih | 4 | 10 |
| JUMLAH | 40 | 100 |

Ini menunjukkan petani-petani mempunyai keluarga yang ramai dan terpaksa bekerja keras untuk menampung orang-orang di bawah tanggungannya. Walaubagaimanapun "purata household" dapat dikira dengan menggunakan formula mean ($\bar{x} = \sum fx/N$) iaitu 5.1 orang anggota household secara purata. Jadi berdasarkan kepada ketiga-tiga angkubah ini akan bertanggungjawab dalam menjayakan projek kerajaan yang memperkenalkan penanaman padi dua kali setahun ini.

University of Malaya

# BAB TIGA

## SISTEM PENYEWAAN TANAH DAN ORGANISASI EKONOMI

### 1. KATEGORI PETANI YANG BERGANTUNG KEPADA SAWAH

Bahagian ini akan memperlihatkan sistem penyewaan tanah sawah yang boleh didapati di kampung Padang Hang, di mana komuniti ini terlibat secara langsung dengan penanaman padi dua kali setahun sebagai sumber pendapatan mereka yang utama. Untuk memperlihatkan strafikasi sosial dan perbezaan sosial akan lebih jelas kalau ditinjau dan diberi penekanan kepada sistem sewa yang terdapat dalam komuniti ini. Ini adalah kerana ditekankan kepada faktor harta dan kedudukan petani yang dihubungkan secara langsung dengan tanah sawah yang dikerjakan oleh mereka. Didapati keseluruhan komuniti Padang Hang ini bergantung terus kepada penanaman padi sebagai sumber pendapatan mereka, di samping kerja-kerja lain seperti berniaga secara kecil-kecilan, buruh upahan dan menternak ayam itek. Mengikut Syed Husin Ali[17] petani-petani yang bergantung terus kepada aktiviti pertanian padi dapat dibahagikan kepada lima kategori:

i) Tuan tanah (land-lord)

ii) Tuan tanah - pengerja hakmilik (land lord cum owner (operator

iii) Pengerja hakmilik (owner-operator)

iv) Pengerja hakmilik - penyewa (owner operator cum tenant)

v) Penyewa atau buruh ladang (tenant or farm labourer).

---

[17] Syed Husin Ali. Social Strafication in Kampong Bagan - Study of class, status, conflict and mobility in a rural Malay Comunity - Malaysia. Printers Ltd., S'pore. 1964.

Tuan tanah ini merupakan kategori petani yang memiliki tanah sawah yang banyak di mana mereka tidak mengerjakan sendiri dengan menggunakan buruh keluarga. Sebaliknya mereka menyewakan tanah mereka kepada petani-petani lain dan tuan-tuan tanah hanya menunggu bayaran wang sewaan daripada petani mengikut musim dalam satu tahun. Di Kampung Padang Hang ini didapati cuma seorang sahaja tuan tanah iaitu 2.5% (peratus) daripada '<u>sample</u>' yang didapati di dalam kajian yang telah dibuat.

Sementara tuan tanah dan pengerja hakmilik merupakan petani-petani yang memiliki tanah sawah yang banyak yang dikerjakan sendiri oleh mereka. Di samping itu bagi tanah yang tidak dikerjakan disewakan kepada petani-petani lain. Jadi di sini di samping sebagai tuan-tanah mereka juga mengerjakan tanah hakmilik sendiri. Didapati cuma enam orang yang terlibat dalam kategori ini, atau 15 peratus daripada sample yang dikaji.

Hanya didapati cuma 6 orang sahaja petani-petani atau 10 peratus yang mengerjakan tanah hakmilik sendiri (owner-operator). Mereka hanya mempunyai bidang tanah yang kecil sahaja untuk cukup hidup, tanah ini dikerjakan sendiri oleh mereka dan tidak menyewa tanah dari sesiapa pun untuk menambahkan sumber pendapatan mereka.

Golongan petani yang tergolong dalam kategori hakmilik dan penyewa sebanyak 16 orang atau 40 peratus daripada sample yang dikaji. Mereka hanya memiliki bidang tanah sawah yang kecil sahaja untuk dikerjakan, ini bermakna tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka. Jadi di samping mengerjakan tanah sendiri yang kecil, mereka juga menyewa tanah-tanah sawah daripada tuan tanah sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.

Kategori yang terakhir ialah golongan petani-petani yang langsung tidak mempunyai tanah milik sendiri, kalau sekiranya adapun cuma tanah yang mungkin tidak begitu berfaedah untuk dikerjakan. Secara alte-

natifnya mahu tidak mahu terpaksa menyewa tanah. Mereka ini bergantung terus kepada tuan-tuan tanah dalam pengerjaan tanah sawah sebagai sumber pendapatan mereka. Selain daripada itu mereka juga membuat kerja-kerja lai lain seperti buruh upahan tatkala musim menuai tiba. Didapati 13 orang terlibat atau 32.5 peratus sebagai petani-petani yang semata-mata menyewa sawah daripada tuan tanah. Kebanyakan tuan-tuan tanah yang menyewakan tanah mereka ini terdiri daripada orang-orang luar, kerana dalam masa kajian dibuat didapati hanya sebilangan kecil sahaja tuan tanah dapat ditemui oleh pengkaji. Tuan tanah ini mungkin tinggal di mukim atau daerah atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kampung ini. Kategori petani dapat dilihat dalam Jadual 6.

<u>JADUAL 6.</u>

<u>PEMBAHAGIAN PETANI DALAM BERBAGAI KATEGORI</u>

| Kategori Petani | Bilangan respondent | Peratus |
|---|---|---|
| a) Tuan tanah | 1 | 2.5 |
| b) Tuan tanah - pengerja hakmilik. | 6 | 15 |
| c) Pengerja hakmilik | 4 | 10 |
| d) Pengerja hakmilik - penyewa | 16 | 40 |
| e) Penyewa atau buruh ladang | 13 | 32.5 |
| JUMLAH | 40 | 100.0 |

Bagi petani-petani yang menyewa tanah daripada tuan tanah dikenakan bayaran sewa mengikut keadaan semasa. Pada keseluruhannya petani-petani yang mengerjakan sawah dikenakan bayaran sewa di antara 60 hingga

University of Malaya

70 ringgit bagi serelong dalam semusim penanaman padi. Sepertimana yang dikatakan tuan-tuan tanah kebanyakannya tinggal di mukim, daerah atau kampung yang berhampiran seperti Perlis, Jitra, Naka serta Lepat. Didapati keseluruhan tuan-tuan tanah terdiri daripada petani-petani berbangsa Melayu, cuma seorang sahaja tuan tanah yang berbangsa China yang mana merupakan kenalan lama kepada petani di kampung ini.

Keseluruhan daripada tuan tanah mempunyai hubungan keluarga dengan petani-petani tadi seperti ibu/bapa atau saudara mara mereka. Jadi sudah semestinya tidak terdapat sebarang perjanjian yang dibuat kerana memandangkan kepada hubungan keluarga yang rapat, cuma janji-janji mulut sahaja. Dengan ini tanah-tanah sawah yang dikerjakan itu tidak akan diambil balik, kerana memandangkan kepada hubungan keluarga yang erat tadi. Tuan tanah yang terdiri daripada ibu atau bapa petani tidak dapat mengerjakan sawah tersebut, kerana memandangkan kepada umur mereka yang sudah tua itu. Setengah-setengah tuan tanah pula tinggal berjauhan dari kampung Padang Hang ini, jadi sudah tentu susah untuk mengerjakan tanah sawah mereka, manakala setengah-setengahnya pula bekerja di pejabat kerajaan di bandar, jadi sudah semestinya mereka sebok dengan urusan sendiri dan tidak punyai kesempatan untuk mengerjakan sawah. Petani-petani yang menyewa tanah sawah daripada tuan tanah yang berbangsa China tadi tinggal di pekan Sungai Korok, dan ia menaruh kepercayaan yang penuh kepada petani yang menyewakan tanahnya tadi. Lama masa yang dibenarkan menyewa bergantung kepada selagi petani itu sanggup membayar sewa kepadanya. Sekiranya petani tadi tidak lagi sanggup, tanah tersebut akan disewakan kepada petani lain untuk dikerjakan. Semua urusan membayar sewa kepada tuan-tuan tanah ialah selepas menuai padi, iaitu dibayar dengan wang mengikut nilai sewa yang telah ditetapkan.

University of Malaya

## 11. PEMBAHAGIAN TANAH YANG DIKERJAKAN OLEH PETANI

Kedudukan petani dapat difahamkan dengan melihat hubungan mereka dengan aktiviti mengerjakan tanah pertanian. Dalam Jadual 7 menunjukkan berbagai kategori petani yang terdiri daripada 40 orang bergantung kepada tanah sawah untuk sumber pendapatan mereka. Jumlah keseluruhan tanah yang dikerjakan oleh 40 orang tadi ialah kira-kira 420 relong sawah padi.

JADUAL 7

PEMBAHAGIAN TANAH YANG DIKERJAKAN

| Kategori petani | Jumlah respondent | Peratus respondent | Jumlah relong | Peratus relong |
|---|---|---|---|---|
| a) Tuan tanah | 1 | 2.5 | 15 | 3.572 |
| b) Tuan tanah pengerja hakmilik. | 6 | 15.0 | 106 | 25.220 |
| c) Pengerja hakmilik | 4 | 10.0 | 17 | 4.048 |
| d) Pengerja hakmilik - penyewa. | 16 | 40.0 | 190 | 45.250 |
| e) Penyewa atau buruh ladang. | 13 | 32.5 | 92 | 21.910 |
| Jumlah | 40 | 100 | 420 | 100.00 |

Dalam Jadual 7: didapati hanya seorang sahaja tuan tanah, iaitu 2.5 peratus daripada 40 orang petani, manakala kategori (a) dan (b) memiliki tanah sawah seluas 28.79 ~~relong~~ peratus. Manakala penyewa atau buruh ladang sebanyak 13 orang atau 32.5 peratus yang mengerjakan tanah sawah seluas 92 relong atau 21.910 peratus daripada tanah sawah keseluruhannya. Manakala dalam kumpulan (d) dan (e) didapati 72.5 peratus petani-petani

University of Malaya

yang mengerjakan tanah sawah seluas 282 relong atau 67.160 peratus daripada tanah keseluruhannya. Sementara mereka yang mengerjakan tanah milik sendiri sebanyak 4 orang yang mempunyai bidang tanah yang kecil iaitu 17 relong atau 4.048 peratus daripada tanah sawah. Secara purata keluasan kawasan sawah petani ialah kira-kira 10.5 relong luasnya.

## III. PERANAN ORGANISASI PERSATUAN PELADANG

Persatuan peladang adalah merupakan satu organisasi ekonomi yang dibentuk oleh peladang-peladang untuk menjalankan fungsi-fungsi yang beranika tujuan seperti perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan, kredit, pembekalan dan pemasaran dengan menggunakan tenaga dan kerjasama peladang-peladang untuk kejayaan di bidang pertanian. Dari lapuran yang didapati dapat menunjukkan persatuan peladang yang terbanyak sekali ialah di negeri Kedah dan ini disebabkan oleh kebanyakan pertanian yang dijalankan di negeri ini ialah tanah padi[18]. Ini jelas sekali dari maklumat-maklumat yang diperolehi dapat menunjukkan bahawa dalam 'Rancangan Pengairan Muda' sendiri terdapat sebanyak 27 pertubuhan persatuan peladang yang dapat memenuhi fungsi-fungsi yang beranika tujuan seperti di atas.

Persatuan peladang cawangan Padang Hang telah lama ditubuhkan tetapi menjadi penting dan aktif setelah usaha-usaha penanaman padi dua kali setahun dijalankan oleh petani-petani di sini. Persatuan peladang ini mendapat sambutan yang baik dari petani-petani kerana ramai daripada anggota-anggota yang tinggal di kampung ini menjadi ahli persatuan

---

[18]Malaysia. Laporan Suku Tahun. Cawangan Perkembangan Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur. 1968.

peladang tersebut. Dari data-data yang diperolehi menunjukkan 30 orang daripada keseluruhan 40 orang yang dikaji telah menjadi ahlinya, ini dapat dinyatakan sebagai 75 peratus petani adalah terlibat dalam persatuan peladang.

Keanggotaan di dalam persatuan peladang adalah didasarkan kepada samada ahli biasa atau ahli jawatankuasa, dan mereka-mereka ini akan menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang mana berkaitan dengan tujuan-tujuan persatuan ini. Sambutan yang baik ditunjukkan oleh petani-petani sendiri di mana mereka sering menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan, di samping itu mereka mempunyai keyakinan yang besar, dengan tertubuhnya persatuan ini. Ini ternyata di mana petani-petani yang telah lama menjadi ahli-ahli di dalamnya mengajak dan memberi perangsang kepada mereka-mereka yang masih belum lagi menjadi ahli supaya mendaftar di dalam persatuan ini. Orang-orang yang diajak bersama-sama menjadi ahli adalah terdiri daripada jiran dan mereka-mereka yang mempunyai kaitan keluarga. Jadi dengan ini ahli-ahlinya dapat menumpukan dengan penuh masa dan tenaga mereka untuk aktiviti-aktiviti pengeluaran padi, sambil itu mereka juga menerima pertolongan yang berkaitan dengan pertanian supaya kehidupan mereka akan lebih terjamin.

Persatuan peladang cawangan Padang Hang ini memberi khidmat yang beranika jenis kepada petani-petani seperti pembelian, pemasaran, pembekalan dan memproses di bawah seksi ekonomi. Penghasilan, nasihat, latihan dan kebajikan di bawah seksi perkembangan. Manakala penabungan, pinjaman dan saham di bawah seksi kredit.

a) SEKSI EKONOMI

Dalam seksi ini perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan

University of Malaya

antaranya pembelian, pemasaran, simpanan hasil-hasil pertanian dan memproses hasil-hasil padi. Dari segi pembelian barang-barang, petani-petani akan mendapat faedah dari persatuan kerana pehak persatuan telah membekalkan barang-barang yang bermutu dengan harga yang dianggap berpatutan. Dengan ini akan mengurangkan kos untuk pengeluaran hasil-hasil pertanian di samping dapat faedah-faedah daripadanya. Di sini petani-petani memperolehi barang-barang keperluan pertanian yang dikelolakan di bawah pehak persatuan termasuklah benih, baja, racun serangga dan alat-alat jentera.

Perkhidmatan pemasaran pula di mana petani-petani mengumpulkan hasil2 ~~hari-hari~~ pertanian mereka dan terus dijual kepada persatuan peladang. Mereka akan mendapat harga yang berpatutan dan sudah tentu dengan jalan ini sahaja akan mengurangkan keuntungan yang selalu dibuat oleh "orang tengah" (middle-man). Kebanyakan orang tengah yang mengambil keuntungan di kampung Padang Hang ini terdiri daripada kaum China yang tinggal di Pekan Sungai Korok, sejauh lebih kurang 1½ batu dari kampung ini. Jadi dengan melalui persatuan peladang semua keuntungan ini dapatlah dikurangkan sedikit. Setelah terkumpulnya padi di dalam gudang simpanan persatuan ini, selanjutnya akan dijual kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) Cawangan Anak Bukit. Jauhnya pekan ini dari kampung yang dikaji adalah lebih kurang 7 batu.

Dalam perkhidmatan simpanan hasil-hasil pertanian pehak persatuan peladang cawangan Padang Hang akan menyimpan padi-padi dalam gudang untuk dikilangkan, di samping itu persatuan ini juga menyimpan hasil-hasil beras yang telah dikilangkan untuk dijual di pasaran. Sementara itu persatuan ini juga menyimpan baja-baja termasuklah baja urea, amonium sulphate dan baja bukit serta barang-barang lain untuk keperluan petani-

University of Malaya

petani pada masa-masa tertentu.

b) SEKSI PERKEMBANGAN

Dalam seksi ini pehak Persatuan Peladang di sini menjalankan fungsi-fungsi memberi pelajaran perladangan, teknik-teknik baru dan lain-lain aktiviti untuk menambahkan lagi pendapatan petani-petani. Dari segi pelajaran didapati atas kerjasama 'Pejabat Pertanian Mada" yang terletak di Telok Chengai datang ke kampung-kampung, termasuk kampung Padang Hang untuk menyibarkan risalah-risalah yang berkaitan dengan pertanian. Jadi dengan bantuan risalah ini sedikit sebanyak dapat membantu petani-petani dalam memahami cara-cara atau praktik yang baik dalam aktiviti penanaman padi dua kali setahun. Untuk lebih berkesan pegawai-pegawai dari Pejabat Pertanian di samping menyebarkan risalah-risalah, mereka juga memberi kursus-kursus pertanian kepada petani-petani yang tinggal di kampung ini. Kursus-kursus yang diberikan itu memakan masa beberapa minggu sahaja mengikut ketetapan yang dibuat oleh pehak Jabatan Pertanian. Jadi segala teknik-teknik baru dalam pertanian padi khususnya dapat memberi faedah yang besar kepada petani-petani yang tinggal di kampung ini.

c) SEKSI KREDIT

Dalam seksi institusi kredit dapat memberi faedah kepada petani-petani untuk mendapatkan pinjaman supaya dapat membeli barang-barang keperluan pertanian termasuk juga barang-barang keperluan harian. Kredit yang dijalankan oleh pehak persatuan adalah semata-mata untuk mengurangkan hutang petani daripada pehak orang tengah atau saudagar-saudagar kaya yang mengenakan kadar faedah yang tinggi. Kredit yang dijalankan bukan sahaja untuk kebajikan petani tetapi juga untuk membantu petani-

petani dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian dan menambahkan lagi kesanggupan petani sebagai pengusaha. Jadi di sini jelas sekali peranan institusi kredit sebagai alat untuk mengurangkan pemerasan daripada peminjam-peminjam hutang yang berdaftar (registered money lender). Ini secucuk dengan kajian yang telah dibuat oleh Prof. Ungku Aziz yang merumuskan 'peladang-peladang selalu diselimuti oleh hutang'[19]. Dengan ini pinjaman amat-amat diperlukan oleh pehak petani kerana mereka berkehendakan barang-barang pengeluaran dan keperluan harian sementara menanti padi dipotong. Jadi petani-petani di sini mempraktikkan "consume now pay later" daripada pedagang yang mengambil hasil padi yang dikeluarkan oleh petani-petani. Kredit yang diambil adalah dengan kadar faedah yang tinggi dan pedagang-pedagang menjual barang-barang dengan harga yang mahal kepada petani-petani. Inilah sebabnya hutang petani semakin bertimbun tambah. Dengan yang demikian seksi kredit di bawah kelolaan persatuan peladang adalah bertugas untuk mengelakan daripada petani-petani meminjam wang daripada orang tengah (middle man) atau saudagar-saudagar kaya ini.

Di sini dapat diperturunkan beberapa tujuan yang telah dijalankan oleh perkhidmatan di bawah seksi kredit Persatuan Peladang Cawangan Padang Hang.

i) Untuk memberi perangsang supaya petani-petani dan keluarga mereka dapat berjimat cermat melalui program kredit ini.

ii) Melabor dengan lebih luas dan mendapatkan punca-punca keewangan yang lebih mudah dari komuniti rural ini, serta menambahkan penabungan anggota-anggota petani yang tinggal di kampung Padang Hang ini melalui perkhidmatan Persatuan

---

[19] Prof. Ungku Aziz: Kertas Kerja. Seminar South East Asia, Financing Agriculture Production and marketing. Ceylon 1968.

Peladang.

iii) Menyediakan wang pinjaman yang cukup dengan kadar faedah yang berpatutan kepada petani-petani yang menjadi ahli di dalam persatuan peladang ini.

iv) Mengada dan mengembangkan punca-punca pinjaman yang boleh dipercayai untuk mendokong aktiviti-aktiviti perniagaan untuk saksi ekonomi dan perkembangan.

v) Menambahkan dan mengukuhkan program keewangan pertanian melalui institusi Bank-bank.

vi) Menambah dan meninstitusikan sistem keewangan pertanian ini di peringkat daerah, negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan

vii) Menolong kerajaan di dalam melaksanakan polisi pembangunan pertanian dan menambahkan lagi berbagai-bagai jenis program keewangan.

Jadi dengan tujuan-tujuan di atas adalah dianggap bersesuaian sekali dengan "Dasar Ekonomi Baru" melalui persatuan peladang dan persatuan ini juga merupakan institusi ekonomi yang penting untuk petani-petani. Persatuan peladang di kampung ini dapat mengumpulkan modal melalui tabungan ahli-ahli, saham serta kesan-kesan pusingan keewangan dan penggunaan wang yang dianggap sempurna. Dari sini persatuan peladang yang menjalankan semua seksi-seksi tadi dapat menjalankan tugas dengan teratur mengikut apa yang telah dirancangkan oleh mereka. Dengan yang demikian persatuan peladang memberi pertolongan yang besar kepada petani-petani khususnya petani-petani yang tinggal di kampung Padang Hang ini.

# BAB EMPAT

## PENCAPAIAN EKONOMI PETANI-PETANI DALAM PROJEK MUDA

Projek pengairan muda ini telah diperkenalkan kepada petani sejak tahun 1970 dengan maksud penanaman padi dua kali setahun dapat dijalankan. Di sini pehak kerajaan atau perancang mempunyai motif untuk meninggikan taraf hidup petani-petani yang terlibat melalui penambahan dalam pendapatan mereka. Di samping itu kerajaan berharap agar petani-petani dapat di orientasikan secara self-sufficiency dalam pengeluaran padi negara ini. Ini adalah motif kerajaan yang akan dicapai dalam jangkamasa pendek, dan untuk tujuan ini perbincangan mengenai pembahagian pendapatan di kalangan petani-petani, sistem pemasaran, perbelanjaan dan penabungan dapat menentukan sejauh manakah berjayanya projek ini.

### (i) PEMBAHAGIAN PENDAPATAN DI KALANGAN PETANI

Tanah adalah merupakan sumber pendapatan yang asas pada komuniti tani yang hidupnya bergantung terus kepada hasil-hasil pertanian. Di kampung Padang Hang keseluruhan daripada petani-petani adalah terlibat secara langsung dalam aktiviti penanaman padi. Jadi aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan mereka bergantung pula kepada keluasan tanah yang dimiliki atau dikerjakan, jenis padi yang ditanam dan kesuburan tanah yang perlu supaya mendapat hasil keluaran padi yang dijangkakan. Selain daripada aktiviti penanaman padi terdapat juga ahli-ahli keluarga dalam komuniti ini melakukan lain-lain pekerjaan sambilan supaya dapat menambahkan lagi sumber pendapatan keluarga. Kerja sambilan ini termasuklah sebagai buruh upahan, menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan

dan tukang membuat rumah. Walaubagaimanapun kerja-kerja sambilan ini hanya sebilangan kecil sahaja daripada petani-petani yang terlibat untuk menambahkan sumber pendapatan utama mereka. Ini akan dibincangkan kemudian nanti.

Dalam kategori petani sebagai penyewa, mereka berkongsi keseluruhan jumlah keluaran dengan pemilik-pemilik tanah, di sini penyewa ditetapkan bayaran sewa mengikut musim oleh tuan-tuan tanah tadi. Terdapat juga kadang-kadang penyewa mendapat pendapatan yang lebih daripada petani yang mengerjakan tanah milik sendiri. Ini bergantung kepada keluasan tanah sawah yang disewakan, jenis dan kualiti tanaman yang ditanam serta kesuburan tanah sawah yang terdapat di kawasan tersebut. Didapati pendapatan tuan-tuan tanah adalah lebih tinggi daripada lain-lain kategori petani, dan terdapat juga beberapa keadaan di mana tuan tanah di samping mengerjakan tanah milik sendiri, sebahagian daripada tanahnya disewakan kepada petani-petani lain. Mereka ini termasuklah petani-petani yang sudah lanjut umur dan tidak berupaya untuk mengerjakan keseluruhan tanah yang dimiliki olehnya. Pendapatan mereka adalah rendah dan lebih kurang sama dengan petani-petani yang mengerjakan tanah milik sendiri di samping menyewa tanah daripada tuan-tuan tanah.

Dalam pengenalisaan pendapatan petani akan dipisahkan mengikut berbagai kategori yang telah ditetapkan, dan pendapatan yang diperolehi dikira secara bulanan. Pendapatan bersih yang didapati dikira setelah ditolak dengan perbelanjaan bahan-bahan pengeluaran upah tenaga buruh dan potongan zakat. Pembahagian pendapatan bersih (net income) petani-petani dapat dilihat dalam jadual 8.

Dalam kategori penyewa dan buruh upahan (e) didapati majoriti daripada petani-petani memiliki pendapatan bulanan yang kurang 300 ringgit

JADUAL 8

PENDAPATAN BULANAN PETANI (DUA KALI SETAHUN)

| Kategori Petani[20] | no. % | 0 - 150 | 151 - 300 | 301 - 450 | 451 - 600 | 601 - 750 | 751 - 900 | 901 - 1500 | Jumlah Petani |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| a | no<br>% | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | 1<br>100 | 1<br>100 |
| b | no<br>% | 1<br>16.7 | 1<br>16.7 | 2<br>33.3 | -<br>- | -<br>- | -<br>- | 2<br>33.3 | 6<br>100 |
| c | no<br>% | 4<br>100 | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | 4<br>100 |
| d | no<br>% | 4<br>25.0 | 2<br>12.5 | 4<br>25.0 | 2<br>12.5 | -<br>- | 4<br>25.0 | -<br>- | 16<br>100 |
| e | no<br>% | 5<br>38.5 | 3<br>23.1 | -<br>- | 3<br>23.1 | 2<br>15.3 | -<br>- | -<br>- | 13<br>100 |
| Jumlah Petani Peratus | no | 14 | 6 | 6 | 5 | 2 | 4 | 3 | 40<br>100 |

20: Kategori petani adalah seperti berikut:-

(a) Tuan-tanah

(b) Tuan-tanah - pengerja hakmilik

(c) Pengerja hakmilik

(d) Pengerja hakmilik dan penyewa

(e) Penyewa atau buruh ladang.

University of Malaya

sebulan, iaitu 8 orang daripada jumlah 13 orang petani sebagai penyewa. Didapati 3 orang petani memiliki pendapatan di antara 451 hingga 600 ringgit sebulan dan 2 orang lagi memiliki pendapatan di antara 601 hingga 750 ringgit sebulan.

Dalam kategori petani yang mengerjakan tanah sawah milik sendiri di samping menyewa tanah sawah daripada tuan tanah, didapati semuanya 16 orang petani yang terlibat, di mana 4 orang daripadanya memiliki pendapatan bulanan kurang daripada 150 ringgit sebulan, 2 orang mendapat di antara 151 hingga 300 ringgit sebulan, 4 orang mendapat di antara 301 hingga 450 ringgit sebulan dan 2 orang mendapat 451 hingga 600 ringgit sebulan. Didapati 4 orang atau 25 peratus (%) daripada petani dalam kategori pengerja hakmilik - penyewa memiliki pendapatan yang tinggi iaitu di antara 751 hingga 900 ringgit sebulan. Jadi pendapatan petani-petani dalam kategori pengerja milik sendiri - penyewa mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini adalah disebabkan mereka menyewa kawasan sawah yang luas iaitu kira-kira 190 relong atau 45.25 peratus daripada keluasan tanah keseluruhannya. Ini jelas menunjukkan petani-petani dalam kategori ini berusaha menambahkan pendapatan mereka melalui menyewa tanah daripada tuan-tuan tanah di samping mengerjakan tanah milik sendiri.

Bagi kategori petani yang semata-mata mengerjakan tanah milik sendiri keadaannya adalah berbeza di mana keseluruhan daripada 4 orang mendapat kurang daripada 150 ringgit sebulan. Ini disebabkan mereka memiliki keluasan tanah sawah yang kecil sahaja iaitu 17 relong atau 4.048 peratus (%) daripada jumlah tanah sawah keseluruhannya.

Bagi tuan tanah yang juga mengerjakan tanah sawah milik sendiri hanya 4 orang sahaja yang memiliki pendapat yang kurang daripada 450 ringgit sebulan. Manakala 2 orang lagi mendapat di antara 900 hingga

University of Malaya

1500 sebulan. Jadi dapat dikatakan pendapatan yang tinggi ini disebabkan mereka memiliki keluasan tanah sawah yang luas kira-kira 106 relong atau 25.220 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah sawah.

Dalam kajian yang telah dibuat didapati hanya seorang sahaja tuan tanah yang tinggal di kampung ini yang mana semata-mata menerima bayaran daripada tanah yang disewakan itu. Ia memiliki tanah sawah seluas 15 relong dan menerima pendapatan bulanan di antara 900 hingga 1,500 ringgit.

Di samping aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama petani-petani di sini, terdapat juga petani-petani yang terlibat dalam kerja-kerja sambilan untuk menambahkan lagi sumber pendapatan mereka. Dalam kajian didapati cuma 5 orang atau 12.5 peratus daripada petani-petani yang terlibat dalam aktiviti pekerjaan sambilan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 9.

<u>JADUAL 9</u>

<u>PENDAPATAN PETANI YANG TERLIBAT DALAM</u>

<u>PEKERJAAN SAMBILAN (BULANAN)</u>

| Petani | 0 - 50 | 51 - 100 | 101 - 150 | Jumlah Petani | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|
| Buruh upahan | 1 | | | 1 | 2.5 |
| Perniagaan kecil-kecilan | | 1 | 1 | 2 | 5.0 |
| Tukang rumah | | | 2 | 2 | 5.0 |
| Jumlah Petani | | | | 5 | 12.5 |

Didapati buruh upahan hanya menerima pendapatan kurang dari 50

University of Malaya

ringgit sebulan, dan ini hanya diperolehi bila tiba pada musim menuai padi sahaja. Perniagaan secara kecil-kecilan hanya 2 orang atau 5.0 peratus, di mana seorang menerima pendapatan di antara 51 hingga 100 ringgit dan secara lagi mendapat di antara 101 hingga 150 ringgit sebulan. Bagi tukang rumah pula hanya 2 orang iaitu 5.0 peratus dan kedua-dua daripada mereka menerima pendapatan di antara 101 hingga 150 ringgit sebulan. Perniagaan secara kecil-kecilan dan tukang-tukang rumah hanya melakukan pekerjaan ini sementara menunggu hasil padi. Jadi pendapatan sambilan ini sudah tentu dapat menampung sumber pendapatan utama mereka.

Dari segi pendapatan petani akan dibuat perbandingan dengan pendapatan yang diterima pada masa sebelum dua kali setahun dijalankan. Dengan ini akan menjelaskan lagi penambahan pendapatan yang diperolehi sekarang. Pendapatan yang diperolehi sebelum penanaman padi dua kali setahun dijalankan dapat dilihat dalam Jadual 10.

Daripada Jadual 10 dapat dibuat penganalisaan mengenai pendapatan yang diterima oleh petani-petani semasa sebelum penanaman padi dua kali setahun dijalankan. Petani dalam kategori tuan tanah hanya seorang sahaja dan ianya memiliki pendapatan di antara 600 hingga 699 ringgit sebulan. Keluasan tanah yang dimiliki pada masa sebulan penanaman dua kali dijalankan juga sama iaitu 15 relong. Pendapatan yang diterima adalah daripada bayaran sewaan oleh petani-petani yang mengerjakan tanahnya.

Bagi tuan tanah yang juga mengerjakan tanah milik sendiri ialah 6 orang di mana 4 orang memiliki pendapatan yang kurang daripada 200 ringgit sebulan. Jumlah ini adalah sebanyak 66.6 peratus daripada petani-petani dalam kategori ini. Manakala 2 orang lagi memiliki pendapatan di antara 400 hingga 599 ringgit sebulan.

Dalam kategori petani pengerja hakmilik sendiri cuma 4 orang

## JADUAL 10

## PENDAPATAN PETANI SEBELUM PENANAMAN

## PADI DUA KALI SETAHUN

| Kategori Petani 21 | no. % | 0 - 99 | 100 - 199 | 200 - 299 | 300 - 399 | 400 - 499 | 500 - 599 | 600 - 699 | Jumlah Petani |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| a | no<br>% | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | 1<br>100 | 1<br>100 |
| b | no<br>% | 2<br>33.3 | 2<br>33.3 | -<br>- | -<br>- | 1<br>16.7 | 1<br>16.7 | -<br>- | 6<br>100 |
| c | no<br>% | 3<br>75.0 | 1<br>25.0 | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | -<br>- | 4<br>100 |
| d | no<br>% | 5<br>31.1 | 2<br>12.5 | 3<br>18.8 | 3<br>18.8 | -<br>- | 3<br>18.8 | -<br>- | 16<br>100 |
| e | no<br>% | 7<br>53.8 | 1<br>7.8 | 2<br>18.3 | 2<br>15.3 | 1<br>7.8 | -<br>- | -<br>- | 13<br>100 |
| Jumlah Peratus | | 17 | 6 | 5 | 5 | 2 | 4 | 1 | 40<br>100 |

21: Kategori petani adalah seperti berikut:-

(a) Tuan-tanah

(b) Tuan-tanah - pengerja milik sendiri

(c) Pengerja hakmilik

(d) Pengerja hakmilik - penyewa

(e) Penyewa atau buruh ladang.

University of Malaya

sahaja, di mana 3 orang atau 75.0 peratus daripada petani dalam kategori ini menerima pendapatan kurang daripada 100 ringgit sebulan. Manakala seorang lagi menerima pendapatan di antara 100 hingga 199 ringgit sebulan.

Bagi petani dalam kategori pengerja hakmilik sendiri dan sebagai penyewa sebanyak 16 orang di mana 7 orang atau 43.6 peratus memiliki pendapatan kurang daripada 200 ringgit sebulan. Manakala 6 orang petani menerima pendapatan di antara 200 hingga 399 ringgit sebulan dan 3 orang lagi memiliki pendapatan di antara 500 hingga 599 ringgit sebulan.

Petani-petani dalam kategori penyewa atau buruh ladang sebanyak 13 orang, di mana 7 orang mendapat kurang daripada 99 ringgit sebulan, sementara 3 orang memiliki pendapatan di antara 100 hingga 299 ringgit sebulan, dan 3 orang yang selebihnya memiliki pendapatan di antara 300 hingga 499 ringgit sebulan.

Jadi berdasarkan penganalisaan daripada kedua-dua data mengenai pendapatan petani pada sebelum dan semasa penanaman padi dua kali setahun jelas menunjukkan pertambahan pendapatan petani dalam kategori (a) tuan tanah, (b) tuan tanah - pengerja milik sendiri dan (c) pengerja hakmilik. Manakala petani-petani dalam kategori (d) pengerja hakmilik - penyewa dan kategori (e) penyewa atau buruh ladang tidak begitu jelas pertambahannya. Ini disebabkan oleh mereka sebagai penyewa yang terpaksa membayar sewa dan upah buruh yang tinggi di samping kenaikan dalam harga barang-barang pengeluaran dan barang-barang keperluan harian yang lain. Secara kasar dapat dibuat rumusan mengenai pendapatan petani meningkat hampir sekali ganda pada masa sekarang. Melalui projek ini jelas menunjukkan penanaman padi dua kali setahun dapat menambahkan pendapatan petani-petani di sini.

Dari segi hasil keluaran padi, mengikut maklumat-maklumat yang

didapati menunjukkan hasil purata padi meningkat sekali ganda, di mana sebelum dua kali setahun hasil keluaran ialah 370 gantang seekar dan sekarang meningkat kepada 644 gantang seekar. Malah setengah-setengah petani mendapat sehingga 1,100 gantang seekar. Hasil ini menunjukkan jauh melebihi purata yang dianggarkan oleh Bank Dunia. Berdasarkan hasil pada masa sebelum penanaman padi dua kali setahun menunjukkan pertambahan purata 5 peratus setahun. Berdasarkan pertambahan ini hasil purata padi akan meningkat kepada 750 gantang seekar menjelang tahun 1985. (Berita sepenuhnya lihat lampiran D di belakang).

Berdasarkan pertambahan dari segi keluasan purata padi dan pertambahan dalam pendapatan mereka jelas menunjukkan dapat memenuhi sekurang kurangnya satu daripada objektif penting dalam Projek Pengairan Muda ini. Jadi pada keseluruhannya taraf hidup petani beransur-ansur tinggi dengan terlaksananya projek ini.

i) <u>SISTEM PEMASARAN</u>

Dalam sistem pemasaran ini peranan yang penting dimainkan oleh F.A.M.A (The Federal Agriculture Marketing Authority) dalam mana berusaha untuk memberi banyak faedah kepada petani-petani. Dalam soal ini pehak FAMA menerima penjualan padi daripada petani-petani, dan kemudian di kilangkan untuk pasaran luar yang memerlukan bekalan beras. Di samping itu LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) yang berpusat di pekan Anak Bukit merupakan sebuah institusi yang penting dalam mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi serta beras. Lembaga Padi dan Beras Negara ini berusaha untuk menetapkan harga beras yang berpatutan untuk pengeluar dan pengguna-pengguna serta dapat menentukan bekalan beras yang cukup pada masa-masa kecemasan.

University of Malaya

Di Kampung Padang Hang melalui pertubuhan Persatuan Peladang yang merupakan penyambung di antara petani dengan pehak Lembaga Padi dan Beras Negara. Jadi di sini petani secara terus menjualkan hasilnya menerusi Persatuan Peladang ini sebagai ejen daripada Lembaga Padi dan Beras Negara. Didapati kira-kira 30 orang petani atau 75.0 peratus daripada keseluruhan petani menjual hasil mereka menerusi Persatuan Peladang. Dari jumlah di atas menunjukkan 3/4 daripada petani menjadi ahlinya di mana mereka mendapat faedah-faedah yang banyak daripada Persatuan Peladang ini.

Berbanding dengan sebelum penanaman padi dua kali setahun dahulu petani-petani menjual terus hasil mereka kepada ejen pembeli padi atau terus ke kedai-kedai China. Ini disebabkan Persatuan Peladang pada masa itu belum lagi ditubuhkan. Petani-petani yang menjual hasil keluarannya terus kepada taukeh-taukeh China kerana mereka terikat dengan hutang yang belum dibayar. Petani-petani terpaksa berhutang daripada taukeh-taukeh China semasa membeli bahan-bahan pengeluaran kerana kekurangan wang atau modal. Jadi untuk membayar hutang tidak dapat tiada petani-petani terpaksa menjual terus kepada taukeh China dan harga padi ditentukan oleh pehak pembeli padi tadi. Tetapi sekarang ini hutang ini sudah mulai berkurang kerana banyak daripada petani-petani yang menjadi ahli kepada Persatuan Peladang, di mana mereka dibenarkan mengambil kredit yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian. Kredit ini disalurkan melalui Persatuan Peladang yang terdapat di kampung ini. Jadi secara bandingan sistem pemasaran sekarang bertambah komplek dengan adanya Lembaga Padi dan Beras Negara, dan FAMA (Federal Agriculture Marketing of Authority), dan melalui inilah sistem pemasaran padi dapat berjalan dengan licin dan teratur. Dengan tertubuhnya Persatuan Peladang di kampung ini dapat

mengelakkan daripada petani-petani supaya berhutang dari taukeh-taukeh China, kerana pehak Persatuan Peladang dapat memberi kredit seperti yang dinyatakan tadi. Jadi sistem pemasaran padi yang terdapat pada masa sekarang berjaya memenuhi kehendak petani dalam pemasaran padi mereka.

(iii) PERBELANJAAN

Dari segi perbelanjaan didapati petani-petani lebih banyak menumpukan kepada perbelanjaan membeli bahan-bahan pengeluaran yang diperlukan di dalam aktiviti penanaman padi. Petani-petani terpaksa membeli baja, racun serangga dan bayaran upah tenaga buruh dalam aktiviti penanaman padi. Jadi perbelanjaan ini meningkat kerana penanaman padi dua kali setahun.

Walaubagaimanapun sejak tiga tahun projek ini diperkenalkan kepada petani, didapati mereka hidup lebih senang jika dibandingkan dengan masa dahulu. Petani-petani mula menggunakan wang untuk membina rumah-rumah baru atau membaiki rumah-rumah yang rosak. Dari kajian didapati 15 orang atau 37.5 peratus memiliki rumah baru yang dibina dalam jangkamasa tiga tahun ini. Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan 3 orang petani membina rumah yang belanjanya kurang dari 500 ringgit, 4 orang membina rumah yang berharga di antara 501 hingga 1,000 ringgit. 5 orang membina rumah berharga 1001 hingga 1500 ringgit dan 2 orang membina rumah berharga 1501 hingga 2000 ringgit. Manakala seorang sahaja yang membina rumah menelan belanja lebih dari 2000 ringgit.

Berbanding dengan pada masa sebelum penanaman padi dua kali setahun, petani-petani sekarang hidup agak senang kerana tenaga kerja kerbau tidak lagi diperlukan dalam usaha-usaha membajak sawah. Ini

adalah kerana petani-petani mula membelanjakan wang yang ada untuk membeli alat-alat jentera pembajak seperti kobota. Jentera ini bernilai lebih kurang 4,000 ringgit dan dari kajian yang dibuat didapati hanya 6 orang atau 15.0 peratus sahaja daripada petani yang berupaya membeli jentera pembajak tersebut. Petani yang membeli jentera ini terdiri dari seorang tuan tanah dan 3 orang petani dalam kategori tuan tanah - pengerja hakmilik serta 3 orang petani dalam kategori pengerja hakmilik dan di samping sebagai penyewa. Kawasan sawah yang dimiliki oleh 6 orang ini ialah 100 relong yang membolehkan jentera pembajak digunakan. Di samping itu pada musim membajak petani-petani yang memiliki jentera pembajak ini mengambil upah membajak tanah sawah petani-petani lain. Dengan yang demikian petani-petani yang memiliki jentera ini beroleh pendapatan tambahan pasa musim ini. Dikira upah membajak untuk satu relong ialah 25 ringgit bagi kawasan ini.

JADUAL 11

PERBELANJAAN MEMBINA RUMAH PETANI-PETANI

| Belanja ($) | Petani |
|---|---|
| Kurang 500 | 3 |
| 501 - 1000 | 4 |
| 1001 - 1500 | 5 |
| 1501 - 2000 | 2 |
| Lebih 2001 | 1 |
| Jumlah Petani | 15 orang |

Selain daripada petani-petani yang menggunakan wang untuk

membina rumah, bahan-bahan pengeluaran, mereka juga terpaksa berbelanja untuk barang-barang keperluan harian. Semua barang-barang ini didapati di pekan Sungai Korok dan Pekan Sehari yang diadakan pada tiap minggu. Perbelanjaan petani meningkat berikutan dengan kenaikan harga barang-barang dan kebanyakan tenaga kerja terpaksa diupah. Jadi petani juga merasai kurang senang kerana perbelanjaan yang semakin meningkat berikutan dengan keadaan inflasi sekarang ini.

(iv) TABUNGAN

Dalam komuniti ini terdapat juga konsep tabungan (saving) di mana mereka mempunyai temdensi untuk menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan. Tabungan di sini dimaksudkan jumlah wang yang disimpan yang mana tidak digunakan untuk tujuan pengunaan. Dalam komuniti yang dikaji terdapat bentuk-bentuk simpanan samada di Bank atau Pejabat Pos. Didapati hanya 13 orang atau 32.5 peratus sahaja daripada petani-petani yang menyimpan wang di Pejabat Pos dan di Bank Pertanian. Ini bermakna 27 orang atau 67.5 peratus daripada petani langsung tidak menyimpan wang-wang mereka di Bank. Didapati daripada 13 orang petani tadi hanya 8 orang yang mempunyai simpanan kurang dari 300 ringgit, dan 3 orang di antara 301 hingga 600 ringgit. Manakala 2 orang lagi menyimpan lebih daripada 601 ringgit. Ini dapat dijelaskan lagi berdasarkan Jadual 12.

Petani-petani yang menyimpan wang di Bank-bank ini semata-mata untuk keperluan di masa depan di mana petani-petani mengalami kesulitan wang serta juga untuk keperluan anak-anak mereka yang masih bersekolah. Walaupun bilangan yang menyimpan hanya 32.5 peratus daripada petani tetapi sekurang-kurangnya mereka sudah diperkenalkan dan di orientasi dengan konsep simpanan di Bank-bank.

JADUAL 12

TABUNGAN PETANI DI DALAM BANK

| Simpanan ($) | Petani |
|---|---|
| Kurang 300 | 8 |
| 301 - 600 | 3 |
| Lebih 601 | 2 |
| Jumlah | 13 orang |

Berbanding dengan sebelum penanaman dua kali setahun dahulu, petani-petani tidak menyimpan wang mereka di Bank-bank tetapi lebih berminat menyimpan dalam bentuk pembelian barang-barang kemas. Barang-barang kemas ini seperti emas untuk perhiasan diminati oleh golongan wanita. Kalau sekiranya dalam keadaan terdesak di mana wang sangat-sangat diperlukan, dengan mudah sahaja barang-barang kemas ini digadaikan di kedai-kedai China. Dalam kajian didapati 15 orang atau 137.5 peratus yang menyimpan dalam bentuk pembelian barang-barang kemas, barang-barang perhiasan ini dibeli sudah lama iaitu sebelum dua kali setahun dijalankan. Walaupun perbelanjaan petani-petani meningkat tetapi mereka masih dapat menggunakan wang lebihan untuk tujuan simpanan. Jadi pada masa sekarang mereka mulai mengenali bentuk simpanan yang lebih terjamin di samping mula di orientasikan dengan konsep tabungan jika dibandingkan pada masa dahulu.

Jadi pemeriksaan atas pendapatan, keluaran padi, sistem pemasaran, perbelanjaan dan tabungan dapat sedikit sebanyak menjelaskan tentang pencapaian ekonomi petani dalam kawasan Projek Pengairan Muda setelah dibandingkan dengan sebelum projek ini dijalankan.

University of Malaya

# BAB LIMA

## MASAALAH-MASAALAH PETANI DALAM PROJEK MUDA

Penanaman padi dua kali setahun baru sahaja diperkenalkan kepada petani-petani terlibat di dalam kawasan projek pengairan muda ini. Jadi sebagai peringkat permulaan sudah tentu terdapat berbagai-bagai masaalah yang dihadapi, samada dari pehak kerajaan atau penerimaan petani-petani sendiri. Masaalah yang dihadapi oleh petani dapat digolongkan kepada tiga aspek iaitu:

i) masaalah fizikal

ii) masaalah ekonomi

iii) masaalah sosio-budaya.

i) <u>MASAALAH FIZIKAL</u>

Faktor fizikal yang merupakan masaalah kepada petani-petani termasuklah apa-apa yang diperlukan dalam aktiviti penanaman padi. Di antara masaalah fizikal yang dihadapi oleh petani-petani di kampung Padang Hang pada dewasa ini termasuklah bekalan air, kawalan penyakit, kesuburan tanah dan lain-lain praktik budaya dalam masa pembajakan dan kaedah-kaedah penanaman padi. Di antara semua masaalah yang dihadapi ini dapat dikatakan masaalah bekalan air didapati lebih "dominant" daripada masaalah-masaalah lain di kawasan ini.

a) <u>Bekalan air</u>

Kejayaan dalam usaha-usaha penanaman padi dua kali setahun ini, bergantung terutamanya kepada bekalan air yang diterima oleh

kawasan sawah padi di sini. Bekalan air yang cukup ini bermakna pehak Jabatan Pertanian hendaklah membekalkan air yang tidak terlalu banyak dan tidak pula berkurangan. Perkara yang tidak puas hati bagi petani-petani di kawasan ini ialah bekalan air yang diterima tidaklah datang pada musim menanam yang telah ditetapkan, di mana petani-petani tidak menerima bekalan air yang cukup terutamanya pada musim kedua dalam masa penanaman padi. Daripada hasil kajian yang telah dibuat didapati sebanyak 15 orang atau 37.1 peratus daripada petani tidak mendapat bekalan air yang cukup untuk diairi ke kawasan sawah mereka. Ini disebabkan oleh petani-petani tidak mengikuti jadual penanaman yang betul dan ini akan dibincangkan kemudian nanti. Langkah segera hendaklah diambil dalam mengatasi perkara ini, sekiranya terdapat perhubungan yang baik antara petani-petani dengan pehak Jabatan Pengairan atau Jabatan Pertanian.

Seterusnya kawasan tanah yang tidak sama rata juga boleh menimbulkan kesulitan pada petani-petani di sini. Setengah-setengah kawasan sawah padi terletak di kawasan tanah yang tinggi manakala setengah-setengahnya pula terletak di kawasan yang bertanah rendah. Jadi ini memberi kesempatan kepada setengah-setengah petani yang sawahnya terletak di kawasan tanah tinggi menyekat bekalan air menyebabkan bekalan air yang cukup tidak diterima oleh petani-petani yang mempunyai tanah sawah di kawasan tanah rendah. Jadi dengan ini boleh menimbulkan konflik antara petani-petani yang tinggal di kampung ini, walaubagaimanapun konflik ini tidak berlanjutan hingga melibatkan pertumpahan darah.

b) Kesuburan tanah

Kesuburan tanah merupakan faktor utama yang boleh mempengaruhi pengeluaran hasil padi. Pehak kerajaan telah memperkenalkan berbagai-

bagai jenis padi, antaranya padi Bahagia yang boleh mengeluarkan hasil 800 gantang bagi tiap-tiap satu ekar atau 4480 lbs padi. Ini adalah kualiti hasil yang dijangkakan oleh pehak kerajaan kalau sekiranya petani-petani menggunakan kuantiti baja yang mencukupi. Untuk menjamin penghasilan padi yang dijangkakan oleh pehak kerajaan, petani-petani hendaklah menggunakan baja kira-kira 4 kampit samada baja urea atau amonium sulphate untuk tiap-tiap serelong sawah padi. Tetapi dari hasil kajian yang telah dibuat jelas menunjukkan petani-petani hanya menggunakan lebih kurang 2 kampit sahaja baja kimia untuk serelong tanah sawah mereka. Malah lebih dari 50 peratus daripada petani-petani masih lagi menggunakan baja bukit dan baja campuran yang kurang mendatangkan hasil kalau dibandingkan dengan baja kimia yang disyorkan oleh pehak kerajaan tadi. Kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani di sini disebabkan mereka tidak berupaya atau tidak mampu untuk memberi baja yang cukup kerana keadaan ekonomi mereka yang hanya cukup untuk hidup. Di samping itu mereka juga tidak mempunyai wang samada dalam tabungan atau sumber-sumber simpanan yang lain. Oleh kerana kekurangan wang jelas menunjukkan penghasilan padi hanya di peringkat minima sahaja. Ini bermakna petani-petani di kampung ini belum lagi boleh dianggap sebagai "comercially orientate" sepertimana yang diharapkan oleh pehak kerajaan, walaupun penanaman padi dua kali setahun telah diperkenalkan kepada mereka.

c) Jadual penanaman

Setelah penanaman padi dua kali setahun dijalankan, pehak Jabatan Pertanian (MADA) telah menetapkan jadual penanaman kepada petani-petani yang terlibat dalam projek ini. Jadual penanaman ini bertujuan untuk keseragaman dalam masa penanaman padi. Apa yang didapati di

University of Malaya

kampung ini, ialah kira-kira 10 orang petani atau 25 peratus tidak mengikut jadual tersebut, ini menyebabkan pehak Jabatan Pertanian susah untuk membekalkan air dengan baik. Jadi masaalah yang dihadapi ialah setengah-setengah petani yang memulakan penanaman yang lewat tidak mendapat bekalan air untuk dialirkan ke sawahnya, kerana bekalan air tidak disediakan sepanjang masa penanaman padi. Keseragaman dalam masa penanaman adalah perlu kerana untuk mengelakkan masaalah tikus dan burung yang boleh merosakkan pokok-pokok padi.

ii) <u>MASAALAH EKONOMI</u>

Petani-petani di kawasan ini tidak asing lagi dipenuhi dengan berbagai masaalah ekonomi dalam aktiviti penanaman padi. Di antara masaalah ini termasuklah tenaga buruh, saiz sawah yang kecil dan masaalah kenaikan harga yang dihadapi oleh petani-petani di sini.

a) <u>Tenaga buruh</u>

Masaalah tenaga buruh adalah merupakan masaalah yang merumitkan petani-petani di sini khususnya pada masa padi itu dituai atau dipotong. Walaupun dalam aktiviti menuai padi dapat ditampung oleh tenaga buruh yang terdiri daripada ahli-ahli keluarga, tetapi masih lagi berkurangan. Bagi anak-anak lelaki petani yang tinggal di kampung ini majoritinya terdiri dari golongan umur 10 hingga 19 tahun iaitu kira-kira 30 orang daripada jumlah 60 orang semuanya. Mereka ini tidak melibatkan diri dalam aktiviti sawah kerana mereka masih lagi menuntut di sekolah-sekolah kerajaan. Hanya didapati 10 orang saja di antara umur 20 hingga 29 tahun, dan 4 orang di antara umur 30 hingga 39 tahun dan 16 orang berumur 9 tahun ke bawah. Jadi tenaga kerja di antara umur 20 hingga 29

University of Malaya

tahun amatlah berkurangan iaitu 16.6 peratus sahaja. Keterangan ini dapat dipandukan pada jadual 13 yang menunjukkan taburan umur anak keluarga petani. Bagi golongan wanita yang terdiri umur belasan tahun tidak dibenarkan pergi ke sawah kerana pekerjaan ini dipunyai oleh orang lelaki, di samping itu menurut kepercayaan mereka tidak baik golongan wanita pergi ke sawah.

JADUAL 13

BILANGAN ANAK IKUT JANTINA

| Umur | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|
| 0 - 9 | 16 | 18 |
| 10 - 19 | 30 | 24 |
| 20 - 29 | 10 | 8 |
| 30 - 39 | 4 | 2 |
| Jumlah | 60 | 52 |

Kalau dilihat secara purata umur anak-anak petani ialah 14.15 tahun, dan ini bermakna mereka tidak berupaya melibatkan diri dalam aktiviti penanaman padi di samping rata-rata mereka masih dalam persekolahan. Didapati buruh tempatan atau orang-orang yang tinggal di kawasan ini sukar didapati kerana mereka juga sebagai petani yang terlibat dalam penanaman padi dua kali setahun. Oleh kerana aktiviti menuai padi berjalan serentak menyebabkan masing-masing sebok dengan urusan mereka sendiri. Dengan yang demikian petani-petani terpaksa mendapatkan tenaga buruh daripada luar kawasan Projek Muda, kerana pada ketika ini mereka tidak terlibat dalam aktiviti menuai padi. Buruh dari luar termasuklah mereka-mereka yang datang dari Bukit Mentajam, Perlis, Pulau Langkawi

malah dari Kelantan dan petani mengambil upah di kawasan ini. Dari upah tenaga buruh didapati lebih mahal iaitu kira-kira 20 hingga 25 ringgit untuk memotong dan membanting padi bagi serelong. Di sini semua perbelanjaan termasuk makan, minum terpaksa ditanggung oleh tuan rumah tadi. Jadi walaupun tenaga buruh dapat ditampong oleh orang dari luar tetapi begitu sukar untuk mendapatkannya, lagi pula bayaran upah semakin meningkat.

b) <u>Saiz sawah</u>

Saiz sawah yang dimiliki oleh petani-petani di kampung Padang Hang ini adalah kecil, walaupun purata luas ialah 10.5 relong tetapi ia terletak di tempat-tempat yang berasingan dan penyewa-penyewa kebanyakannya mengerjakan tanah sawah yang letaknya di tempat-tempat yang berasingan tadi. Tanah sawah yang kecil ini juga disebabkan oleh sistem pemecahan tanah daripada undang-undang perwarisan dalam Islam (Muslim law of inheritence). Peraturan seperti ini berterusan menyebabkan tanah itu menjadi lebih kecil lagi. Jadi tanah yang kecil ini akan mengagalkan penggunaan alat jentera secara besar-besaran. Meminjam kata-kata Mosher A.T. menegaskan "farm need to change both in size and in arrangement in order to make it posible to utilize changing methods of farming more efficiency"[20]. Jadi masaalah seperti ini tidak dapat diatasi selagi undang-undang perwarisan tanah masih kuat diamalkan oleh petani-petani di sini.

---

20 Mosher A.T. <u>Getting Agriculture Moving, Essential for development and modernization.</u> Fredrick A. Praeger. New York. m.s. 39.

University of Malaya

c) Harga barang-barang pengeluaran

Masaalah harga barang pengeluaran merupakan masaalah semasa yang dihadapi oleh petani-petani di sini. Barang-barang pengeluaran amat diperlukan oleh petani-petani untuk keperluan sawah mereka termasuklah baja dan racun serangga. Didapati harga barang-barang pengeluaran ini meningkat naik jika dibandingkan pada masa-masa sebelum penanaman padi dua kali setahun dijalankan. Harga baja bagi sekampit ialah 5 ringgit naik daripada harga asal $3.50¢ dan racun serangga naik 4 ringgit daripada 3 ringgit harga asal, jadi di sini petani terpaksa membeli untuk keperluan sawahnya. Di samping itu harga barang-barang keperluan harian juga meningkat disebabkan oleh keadaan inflasi sekarang ini. Kehidupan petani semakin terdesak dengan kenaikan harga barang, walaupun harga padi juga turut meningkat tetapi tidak dapat menampung kenaikan harga barang yang melambung tinggi. Dengan ini untuk mendapat barang-barang pengeluaran dan keperluan harian petani-petani terpaksa berhutang daripada kedai China, dan membayar setelah padi dipotong. Kedai-kedai China yang selalu memberi hutang kepada petani termasuklah kedai-kedai Hin Huat, Ah Lian, Chee Kem Seng dan Sim Kee yang kesemuanya terletak di pekan Sungai Korok yang jauhnya kira 1½ batu dari kampung ini. Perbelanjaan petani meningkat kepada tiga kali ganda daripada masa sebelumnya di samping itu dalam aktiviti penanaman padi semua tenaga kerja terpaksa diupah.

Di samping kenaikan harga barang-barang yang diperlukan oleh petani-petani didapati padi yang dijual oleh mereka menerima potongan harga yang tinggi. Potongan harga kira-kira 6 hingga 8 kati pada tiap-tiap pikul yang dijual, ini bermakna petani-petani menerima bayaran yang kurang daripada sepatutnya. Sebagai misalan harga pasaran padi Mahsuri ialah 30 ringgit untuk sepikul dan petani-petani hanya mendapat lebih

kurang 28 ringgit sahaja sepikul. Potongan harga disebabkan oleh padi yang dijual itu masih lagi dalam keadaan lembab kerana ianya dipotong pada musim hujan dan tidak sempat dikeringkan.

iii) MASAALAH SOSIO-BUDAYA

Dalam masaalah ini tidak akan menjejaskan berjaya atau gagalnya penanaman padi dua kali setahun ini. Masaalah ini dihadapi oleh petani-petani sendiri di mana dengan menanam padi dua kali setahun ini mereka tidak mempunyai masa rehat langsung. Petani-petani terpaksa menumpukan sepenuh masa kepada aktiviti sawah mereka, hanya mempunyai masa rehat lebih kurang sebulan sahaja di antara dua musim penanaman. Petani-petani juga menghadapi masaalah dalam upacara-upacara sosial seperti kenduri di mana mereka terpaksa menumpukan sepenuh masa kepada aktiviti pertanian dan kenduri tidak dapat dijalankan secara besar-besaran. Ini disebabkan ketiadaan masa di samping perbelanjaan yang semakin meningkat akibat kenaikan harga barang-barang.

Selanjutnya dengan menanam padi dua kali setahun ini menyebabkan lenyapnya institusi sosial dalam aktiviti penanaman padi. Didapati amat kurang sekali aktiviti "berderau" atau "bergotong-royong" dalam aktiviti penanaman padi mereka. Ini disebabkan oleh kebanyakan daripada kerja-kerja yang terlibat dalam aktiviti ini diupah dengan wang. Tetapi bagi kawasan di luar projek muda praktik ini masih kuat diamalkan oleh petani dalam masa menanam dan menuai padi. Jadi masaalah sosio-budaya ini hanya dirasai oleh petani-petani yang tidak akan menjejaskan matlamat projek Pengairan Muda ini.

University of Malaya

# BAB ENAM

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Projek Pengairan Muda telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak tahun 1970 lagi dengan maksud penanaman padi dua kali setahun dapat dijalankan. Di sini pehak kerajaan atau perancang mempunyai beberapa objektif tertentu yang akan dicapai dengan terlaksananya Projek Pengairan Muda ini. Objektif kerajaan adalah untuk meninggikan taraf hidup petani-petani yang terlibat melalui penambahan dalam hasil keluaran dan pendapatan petani-petani. Ini akan dicapai melalui praktik penanaman padi dua kali setahun. Secara perbandingan dapat dibuat sebelum dan semasa penanaman padi dua kali setahun, didapati sekarang pendapatan dan hasil keluaran petani telah meningkat hampir sekali ganda daripada masa sebelumnya.

Dalam projek ini petani-petani telah di orientasikan dengan semangat bekerja keras untuk mencapai matlamat pehak kerajaan tadi. Dalam aspek perbelanjaan petani-petani jelas menunjukkan mereka terpaksa berbelanja untuk keperluan-keperluan dalam aktiviti penanaman padi sahaja. Berbanding dengan masa sebelum penanaman padi dua kali setahun dulu petani-petani kurang menghabiskan perbelanjaan untuk keperluan-keperluan penanaman padi kerana kekurangan modal dan pendapatan. Dalam kontek penabungan, sekarang mereka mulai mengenali institusi-institusi Bank dengan mengadakan penyimpanan agar dapat digunakan pada masa akan datang. Walaupun jumlah yang terlibat adalah sedikit tetapi petani-petani sudah di orientasikan dengan institusi tersebut. Berbanding dengan sebelum penanaman padi dua kali setahun petani-petani belum begitu di orientasi dengan Bank-bank dan mereka lebih berminat menyimpan dalam bentuk

"simpanan beku" seperti membeli barang-barang perhiasan.

Dalam objektif kerajaan untuk "self-sufficiency" dalam pengeluaran padi negara jelas menunjukkan hampir dapat dipenuhi dengan adanya institusi-institusi yang terlibat dalam sistem pemasaran dan pengagehan hasil-hasil beras. Dengan adanya bantuan dan kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank Pertanian kepada petani disalurkan melalui Persatuan Peladang, sistem pemasaran melalui FAMA dan Lembaga Padi dan Beras Negara akan dapat mencapai segala objektif yang dijangkakan oleh pehak kerajaan. Dalam usaha untuk mencapai tingkat "self-sufficiency" dalam pengeluaran padi, pehak kerajaan telah cuba mengurangkan jumlah impot beras daripada negara-negara jiran seperti Thailand dan Burma. Dengan ini keperluan beras dalam negara dapat diperolehi daripada hasil keluaran tempatan. Jadi sekiranya harga beras impot $1,236 se tan, maka Rancangan Muda menolong menyelamatkan $300 juta pertukaran wang asing setahun. Jadi impot beras dari luar dikurangkan, kerana kalau diteruskan bermakna harga beras pasaran tempatan akan terancam oleh tandingan beras yang dibawa masuk daripada luar.

Dari segi pembangunan sosio-ekonomi akan dapat dicapai dalam jangka waktu yang panjang sepertimana yang dijangkakan oleh pehak kerajaan. Dalam masaalah fizikal iaitu soal konflik yang ditimbulkan akibat daripada bekalan air yang diterima oleh petani di mana konflik ini tidaklah berterusan. Konflik ini tidaklah melibatkan pertumpahan darah hanya pergaduhan yang kemudiannya dapat diselesaikan atas nasihat orang tua-tua, dan mereka yang berpengaruh dalam kampung ini. Bagi masaalah yang dihadapi merangkumi masaalah fizikal, ekonomi dan sosio-budaya akan sedikit demi sedikit dapat diatasi dengan kerjasama dari pehak Jabatan Pertanian Muda. Di sini hendaklah adanya perhubungan yang baik dan lebih

erat antara pegawai-pegawai pertanian dengan petani-petani dalam usaha cuba menyelesaikan masaalah petani-petani tadi.

Dari aspek umur petani, tingkat pendidikan dan anggota rumahtangga tidaklah menghalang petani dalam usaha-usaha untuk menjayakan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan ini. Jadi pada keseluruhannya usaha-usaha pencapaian ekonomi melalui perlaksanaan projek ini telah menampakkan kejayaannya dalam memenuhi objektif kerajaan. Tetapi tidaklah sepenuhnya berjaya kerana banyak masaalah-masaalah yang perlu dititikberatkan yang berkaitan dengan projek ini. Oleh kerana projek ini baru diperkenalkan sudah semestinya menghadapi berbagai-bagai rintangan dan kejayaan sepenuhnya sudah tentu akan mengambil jangka waktu yang panjang. Akhirnya projek ini akan semakin menunjukkan kejayaannya pada masa-masa yang akan datang.

University of Malaya

# RANCHANGAN PERAYERAN MUDA

SEKIL: 1 inchi—4 batu




LAMPIRAN A

**KAWASAN KAJIAN KAMPUNG PADANG HANG.**

LAMPIRAN B : PETA NEGERI KEDAH MENUNJUKKAN KAWASAN PROJEK PENGAIRAN MUDA.

APPENDIX A

GENERAL PLAN OF PROJECT AREA




TOTAL IRRIGATED AREA 261,500 ACRES

TOTAL CATCHMENT AREA UTILISED

University of Malaya




# MUDA IRRIGATION PROJECT RESERVOIR WORKS

University of Malaya

LAMPIRAN D: BERITA HARIAN : 16 OKTOBER 1974

# Hasil padi di Perlis dan Kedah meningkat

A. SETAR, Rabu

HASIL purata padi di kawasan Rancangan Pengairan Muda di Kedah dan Perlis tahun lalu meningkat 644 gantang seekar.

Ini merupakan pertambahan hampir sekali ganda dari sepuluh tahun lalu — 370 gantang seekar pada 1964.

Ketua Bahagian Pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Encik Afifuddin bin Haji Omar berkata malah setengah - setengah petani mendapat hasil sehingga 1,100 gantang seekar.

Katanya, hasil tahun lalu jauh melebihi hasil purata yang dianggarkan oleh Bank Dunia.

## Bertambah

Beliau memberitahu BERNAMA, Bank Dunia meramalkan hasil purata padi di Rancangan Muda akan bertambah lima peratus setiap lima tahun dan akan mencapai purata maksima 550 gantang seekar menjelang tahun 2005.

Berasaskan hasil dalam masa 10 tahun lalu pertambahan purata adalah lima peratus setahun.

Katanya, bila penanaman padi dua kali setahun dimulakan empat tahun lalu di Kawasan Muda, hasil purata ialah 600 gantang seekar.

Menurutnya, berdasarkan kadar pertambahan sekarang, hasil purata padi di kawasan itu akan meningkat 750 gantang seekar menjelang tahun 1985.

Tahun lalu, 260,000 ekar sawah di Kawasan Muda, termasuk 210,000 yang ditanam dua kali setahun, mengeluarkan hasil berjumlah 761,294 tan padi.

"Sekiranya harga beras impot $1,236 setan, maka Rancangan Muda menolong menyelamatkan $300 juta pertukaran asing setahun," katanya.

University of Malaya

## CONTOH QUESTIONAIRE

A. Umum

1. i) Berapakah umur pakcik dan isteri pakcik __________ tahun __________

ii) Pendidikan.

a) Sekolah Melayu __________ tahun

b) Sekolah ugama __________ tahun

c) Kursus pertanian __________ tahun

iii) Sudah berapa lamakah pakcik menjadi petani __________ tahun.

iv) Sudah berapa lamakah pakcik tinggal di kampung ini __________ tahun.

v) Susunan dan besarnya anggota rumahtangga.

| Anggota rumah-tangga | Jantina | Hubungan keluarga | Umur (tahun) | Pendidikan | Pekerjaan utama. |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |
| 3 | | | | | |
| 4 | | | | | |
| 5 | | | | | |
| 6 | | | | | |
| 7 | | | | | |
| 8 | | | | | |
| 9 | | | | | |
| 10 | | | | | |
| 11 | | | | | |
| 12 | | | | | |
| 13 | | | | | |
| 14 | | | | | |

University of Malaya

2. (i) Partisipasi dalam berbagai organisasi dan pertubuhan.

| Pertubuhan | Tahun masuk jadi ahli | Jadi ahli-ahli Jawatankuasa | Selalu/tak pernah ikut mesyuarat. |
|---|---|---|---|
| 1. Persatuan peladang | | | |
| 2. Syarikat Kerjasama serbaguna | | | |
| 3. Syarikat pinggan mangkok | | | |
| 4. Jawatankuasa masjid | | | |
| 5. Jawatankuasa kematian | | | |

(ii) Sudah berapa lamakah pak cik menjadi ahli Persatuan Peladang

tahun.

(iii) Sudah berapa orangkah pak cik mengajak kawan atau orang-orang kampung

menjadi ahli pertubuhan tersebut orang.

(iv) Sebutkan nama mereka dan hubungan keluarga dengan pak cik.

| Nama peladang | Hubungan keluarga | Tahun jadi ahli |
|---|---|---|
| 1. | | |
| 2. | | |
| 3. | | |
| 4. | | |
| 5. | | |
| 6. | | |

University of Malaya

3. Status pengusahaan tanah

(a)

| Tanah | luas dan status tanah yang diusaha sendiri | | |
|---|---|---|---|
| | milik (relong) | sewa (relong) | jumlah (relong) |
| 1. Sawah | | | |
| 2. Tanah kebun | | | |
| 3. Tapak rumah | | | |
| Jumlah | | | |

(b)

| Tanah | tanah milik yang bukan diusaha sendiri | |
|---|---|---|
| | disewakan (relong) | jumlah (relong) |
| 1. Sawah | | |
| 2. Tanah kebun | | |
| 3. Tapak rumah | | |
| Jumlah | | |

University of Malaya

4. (i) Sekiranya pak cik menyewa sila nyatakan

| Tempat | Luasnya (relong) | Sewa (wang) | | Sewa (padi) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | semusim($) | semusim($) | semusim (pikul) | semusim (pikul) |
| | | | | | |

(ii) Kalau pak cik ada menyewa tanah bendang, di manakah tuan tanah itu tinggal.

(a) di kampung ini

(b) di kampung mukim lain

(c) di kampung daerah lain

(d) di bandar lain

(iii) Berapa lamakah pak cik sudah menyewa tanah ini tahun.

(iv) Berapa lama pak cik di benar menyewa tahun.

(v) Siapakah tuan tanah ini?

(a) adik beradik

(b) bukan adik beradik.

University of Malaya

5. (i) Kalau tuan tanah yang disewa itu adik beradik, siapakah mereka itu?

(a) abang/kakak/adik

(b) bapa/ibu pak cik

(c) bapa/emak saudara

(d) datuk pak cik

(e) anak saudara pak cik

(f) bapa/ibu mertua

(g) abang/kakak ipar.

(ii) Kalau tuan tanah itu bukan adik beradik, adakah dia kenalan lama pak cik.

(a) ya

(b) tidak.

6. Bagaimanakah pak cik membayar sewa kepadanya.

(a) Bayar wang sebelum tanah padi

(b) Bayar wang selepas mengerat

(c) Bayar dengan padi sebelum tanam

(d) Bayar dengan padi selepas mengerat.

7. Adakah pak cik membuat surat perjanjian sewa tanah dengan adik beradik pak cik ini.

(a) ada

(b) janji mulut saja.

8. (i) Kalau janji mulut saja, adakah pak cik fikir bahawa adik beradik pak cik itu akan mengambil balik tanahnya sesuka hatinya.

(a) besar kemungkinan

(b) boleh jadi

(c) tidak.

University of Malaya

(ii) Apa sebab tidak ______________________________

______________________________

9. Pada tahun sudah apakah benda yang banyak sekali menelan belanja pak cik.

(a) pakaian

(b) alat-alat rumah

(c) makanan

(d) belanja sekolah

(e) belanja sawah

10. Sila pak cik beri keterangan tentang barang-barang yang telah pak cik beli semenjak bulan Januari 1970 (sejak bertanam dua kali setahun).

| Banyaknya. | Perkara | Nilai ($) | Tahun dibeli |
|---|---|---|---|
| ______ | relong bendang | ______ | ______ |
| ______ | membuat rumah | ______ | ______ |
| ______ | traktor | ______ | ______ |
| ______ | sprayer | ______ | ______ |
| ______ | basikal | ______ | ______ |
| ______ | motorsikal | ______ | ______ |
| ______ | motorkar | ______ | ______ |
| ______ | pemain | ______ | ______ |
| ______ | mesin jahit | ______ | ______ |
| ______ | radio | ______ | ______ |
| ______ | Talivisyen | ______ | ______ |
| ______ | pakaian | ______ | ______ |

11. Semenjak bulan Januari 1970 berapa relong bendang yang telah pak cik tambah menyewa ______________ relong.

University of Malaya

12. Sewaktu bertanam sekali setahun dulu tanaman apakah yang pak cik tanam di tanah sawah.

| | Nama tanaman | Nilai hasil ($) |
|---|---|---|
| 1. | ______________________ | ______________________ |
| 2. | ______________________ | ______________________ |
| 3. | ______________________ | ______________________ |
| 4. | ______________________ | ______________________ |

13. Bagaimana menurut pengalaman pak cik keadaan musuh tanaman padi setelah bertanam dua kali setahun.

____________________________________________________________

____________________________________________________________

14. Adakah pak cik mempunyai kerja lain selain buat bendang.

(a) ada

(b) tidak

15. Pendapatan selain usaha tani

| (a) Pekerjaan | pendapatan dalam setahun ($) |
|---|---|
| (b) berniaga | ______________________ |
| (c) tukang rumah | ______________________ |
| (d) buruh | ______________________ |
| (e) tukang jahit | ______________________ |
| (f) lain-lain | ______________________ |
| Jumlah | ====================== |

University of Malaya

PINJAMAN (CREDIT)

16. Adakah pak cik dalam musim I/1973 ikut rancangan kredit Bank Pertanian Malaysia (BPM).

(a) ya

(b) tidak

17. Nama ejen yang menyalurkan kredit BPM.

(a) Persatuan Peladang

(b) Syarikat Kerjasama

18. Pengambilan kredit bahan-bahan pengeluaran dan lain-lain.

| Jenis | Banyak | Jumlah nilai |
|---|---|---|
| Baja | | |
| Racun | | |
| Lain-lain | | |

SUMBER BUKAN BANK PERTANIAN MALAYSIA

19. Sumber kredit bahan-bahan pengeluaran nama kedai

20. Jarak kedai tempat ambil kredit bahan-bahan pengeluaran ke rumah petani batu.

21. Bila waktu membayar kredit tersebut dan berapa nilai yang harus dibayar

University of Malaya

22. Di manakah pak cik selalu membeli barang keperluan harian.

(a) kedai runcit yang juga tempat beli baja.

(b) di kedai runcit yang juga beli padi dan jual baja.

(c) di kedai runcit yang beli padi.

(d) pekan sehari.

23. Bagaimanakah pembayaran terhadap barang pengeluaran dan barang keperluan harian.

(a) secara tunai

(b) berhutang dan dibayar setelah menuai padi dan dijual kepadanya.

(c) dibayar setelah menuai dengan wang.

(d) dibayar dengan wang sebelum menuai

24. Bagaimanakah caranya peraturan harga padi yang pak cik jual.

(a) telah ditentukan lebih dulu oleh pembeli

(b) berdasarkan harga padi umum

(c) berdasarkan tawar menawar

(d) lain-lain.

TENAGA KERJA

25. Upah tenaga kerja untuk musim penanaman 1973.

| Perkara | Jenis pekerjaan | serelong | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Jam kerja | Hari kerja | Upah serelong |
| Tenaga lelaki<br>Tenaga perempuan<br>Terektor | | | | |

26. Kalau sekiranya menyediakan makan, berapakah perkiraan perbelanjaan makan tersebut?

(a) untuk lelaki $ ________ sehari

(b) untuk perempuan $ ________ sehari

27. Menurut kebiasaan di kampung ini berapa jamkah kerja dalam sehari

(a) lelaki ________ jam

(b) perempuan ________ jam

HASIL PADI DAN PENGGUNAANNYA.

28. Untuk musim 1/1973.

| Nama jenis padi | Luas (relong) | Hasil (pikul) | Kegunaan atau jualan (pikul) | zakat (pikul) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| Jumlah | | | | |

29. Jumlah penjualan dan harga penjualan untuk musim 1/1973

University of Malaya

| Jenis padi | Jumlah guni dijual | Kunca dijual | Harga jualan ($) (pikul) | Potongan kati |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

30. Di manakah tempat menjual padi?

| Tempat | Selalu | Kadang-kadang | jarak dari rumah (batu) |
|---|---|---|---|
| Kilang padi | | | |
| LPN | | | |
| Persatuan Peladang | | | |
| Kedai | | | |
| Ejen pembeli padi | | | |

31. Semenjak menjalankan penanaman padi dua kali setahun, adakah pak cik mempunyai masa lapang (leisure).

(a) ada

(b) tidak ada.

University of Malaya

32. Kalau pak cik hendak bertanya masaalah buat bendang kepada siapakah yang selalu pak cik pergi?

(a) pegawai pertanian

(b) jiran

(c) peladang yang lain

(d) peladang China.

33. Kalau pak cik ada perselisehan faham di antara pak cik dengan orang-orang kampung, kepada siapakah yang selalu pak cik pergi untuk bertanyakan nasihat.

(a) penghulu

(b) ketua kampung

(c) tok guru/imam

(d) adik beradik

(e) orang tua-tua.

34. Kalau pak cik mempunyai radio kerap manakah pak cik mendengar siaran pertanian.

(a) tidak pernah

(b) kadang-kadang

(c) selalu.

35. Adakah pak cik biasa mendapat risalah-risalah mengenai hal-hal pertanian daripada Jabatan Pertanian.

(a) ada

(b) tidak.

University of Malaya

36. Di waktu sebelum adanya rancangan bertanam dua kali setahun ini berapakah luas bendang yang pak cik usahakan.

(a) di miliki ____________ relong

(b) di sewa ____________ relong

Jumlah ============ relong

37. Menurut pengalaman pak cik sewaktu bertanam padi sekali setahun dulu berapa banyakkah penggunaan baja dalam satu relong

(i) urea ____________ kampit/relong

(ii) almunium sulphate ____________ kampit/relong

(iii) baja campuran ____________ kampit/relong

(iv) baja balut ____________ kampit/relong

38. Jika di bandingkan dengan semasa bertanam sekali setahun dulu dengan sekarang (dua kali setahun) bagaimana penggunaan kerja pak cik.

(a) sama banyak dengan semasa bertanam sekali setahun

(b) lebih banyak pada masa dua kali setahun

(c) lebih sedikit sekarang (dua kali setahun).

39. Semasa bertanam sekali setahun dulu jika di hitung purata berapakah hasil padi yang pak cik perolehi ____________ pikul/relong.

40. Kalau di kira untuk satu relong berapakah kenaikan penghasilan padi telah meningkat dengan bertanam padi dua kali setahun.

(a) 3 kali lipat ganda

(b) 2 kali lipat ganda

(c) 1 kali lipat ganda

(d) sama sahaja.

University of Malaya

41. Kalau di kira mengenai perbelanjaan menanam padi untuk satu relong di waktu menanam padi satu kali setahun dengan sekarang bagaimanakah bandingannya.

(a) perbelanjaan sekarang hampir 3 kali lipat ganda

(b) perbelanjaan sekarang satu kali lipat ganda

(c) sama sahaja.

(d) perbelanjaan sekarang kurang dari dulu.

42. Kalau perbelanjaan sekarang menjadi lebih banyak apakah sebabnya?

(a) sebab upah tenaga kerja lebih mahal

(b) harga barang pengeluaran lebih mahal

(c) sekarang terpaksa lebih banyak pakat tenaga kerja di upah.

(d) lain-lain kesulitan.

43. Semenjak bertanam dua kali setahun berapakah tabongan pak cik?

(a)

(b) pejabat pos $ ________________

(c) bank rakyat $ ________________

(d) saham persatuan peladang $ ________________

(e) barang-barang emas $ ________________

MASAALAH-MASAALAH PETANI

44. Adakah pak cik menghadapi masaalah bekalan air dan jadual penanaman yang ditetapkan.

University of Malaya

45. Masaalah yang berhubung dengan baja, benih dan racun serangga. ______

46. Apakah masaalah yang timbul daripada tenaga buruh dalam pengurusan padi ______

47. Apakah masaalah-masaalah yang berhubung dengan barang-barang keperluan dan bahan-bahan pengeluaran pertanian. ______

48. Bagaimana dengan masaalah yang timbul dengan kenaikan harga barang sekarang ini ______

49. Lain-lain masaalah yang pak cik hadapi. ______

University of Malaya

BAHAN-BAHAN RUJUKAN:


1. Beattie, J, 1967 other cultures, aims, methods and achievement in social antropology. Routledge and Kegan Paul Ltd. Britain.

2. Blalock, HM 1960 Social statistics Mc.Graw Hill Book Company. New York.

3. Carpenter, DB and Queen, SA, The American Society 1953 Mc.Graw Hill. New York.

4. Firth, R 1952 Element of Social Organisation C.A. Walts & Co. Ltd. London

5. Firth, R 1970 The Deasontry of South East Asia International affair. Vol. 5

6. Goode and Hort - Method in Social Research 1952 Mc.Graw Hill. Book Co. Inc. Tokyo

7. Hillery, G.A. 1955 Definition of Communities, Oreo of agreement - Journal of Rural Sociology. Volume XX

8. Husin. S.A. 1964 Social strafication in Kampung Bagan Monograph of the M.B.B.A.S. I Malaysia Printers Ltd. Singapore.

9. Liao Hsing Chia - 1968 Brief Introduction To Farmer's Association. Division of Agriculture Ministry of agriculture and co-operation Kuala Lumpur.

10. MADA 1972 The Muda Irrigation Scheme. "An exercise in integrated agricultural development. General Manager Office MADA. Telok Chengai, Alor Star.

11. MADA The Muda Irrigation Scheme. General Manager Office
1970 MADA. Telok Chengai, Alor Star.

12. MADA Combined Form Management - Studies in the Muda area
1971 Pilot Projects.
General Manager's Office, MADA Telok Chengai,
Alor Star.

13. MALAYSIA - Rancangan Malaysia Kedua - (1971-1975).
1971 Cetakan Kerajaan - Kuala Lumpur.

14. MALAYSIA - Lapuran suku tahun.
1968 Cawangan Perkembangan Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur.

15. Mac Iver and Rose Society. An Introductory analysis.
1964 Mac Millon & Co. Ltd. London.

16. Mercer B.E. The American Community
Radom House. New York.

17. Mosker At Getting agricultural moving : Essential for
1966 developement and modernisation.
Frederick A. Praeser, Roslither, New York.

18. Moser, C.A. Survey method in social Investigation
1961 Deinemoun Educational Books. Ltd. London.

19. Nelson Rural Sociology
1955 American Book. Co. New York.

20. Smelser N.J. Sociology : An Introduction.
1967 John Wiley & Sons. Inc. New York.

21. Sorokin, P & Zimmerman, Cc. Principles of Rural - Urban
1966 Sociology.
Holt. New York.

22. Ungku Aziz A. Hamid - Foct and Fallacies of the Malay
1967 Economy. EKONOMI. Vol. III
No. I. K.L.

University of Malaya